Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak mengatakan tidak di-aku¹. Yang saya kata orang itu merasa kesal sebab satu lapangan terbang yang besar di-Tenggara Asia ini melambat²kan penggunaan Surveillance Radar ini dan Yang Berhormat Menteri sendiri pun mengaku akan diganjakkan perlaksanaan-nya itu. Jadi tidak-lah ini berarti bahawa Yang Berhormat Menteri sudah mengaku chuai di-dalam menjalankan sistem ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, tuduhan chuai itu tidak kena pada tempat-nya. Yang sa-benar-nya saya sa-bagai Menteri menjaga polisi, tetapi kami dapat nasihat daripada pakar² yang di-aku¹ oleh dunia yang pada waktu ini dengan keadaan kapal terbang internasional datang ka-mari sudah-lah chukup, sudah-lah chukup di-aku¹ terselamat. Maka tidak ada perkara yang chuai timbul di-sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah benar bahawa perkara ini yang sudah menjadi lambat, bukan sa-mata² dengan nasehat daripada pakar² itu, tetapi oleh kerana ranchangan itu lambat sampai kepada orang yang hendak menjalankan, maka sa-bagai satu excuse, di-jadikan-lah nasehat daripada expert itu supaya benda ini dapat di-lambatkan, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini dapat menafikan perkara ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Yang sa-benar-nya keadaan kewangan juga telah saya terangkan tadi. Kita sekarang ada utama yang lebih utama. Lapangan² terbang yang berkehendak-

kan banyak wang sa-bagaimana di-Kota Kinabalu dan juga di-Kuching yang hendak di-panjangkan, berapa banyak lagi wang yang hendak digunakan. Maka, kalau wang yang ber-million² yang hendak di-gunakan pada radar² yang tidak di-kehendaki mengikut statistics yang ada pada hari ini, tentu-lah ini membadzir. Ahli Yang Berhormat sa-bagai sa-orang Ahli Pembangkang telah pun selalu meminta kapada Kerajaan berjimat chermat dan menggunakan wang untuk yang utama, yang paling utama, lebih dahulu daripada perkara yang membadzir.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang terakhir. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri ini menyatakan dengan tegas-nya, ia-itu kita sudah mempunyai peruntokan khas berkenaan dengan Surveillance Radar ini, apa pula sangkut paut-nya dengan menggunakan duit ini kapada lapangan² terbang yang lain. Saya berchakap khusus berkenaan dengan sistem ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, dasar terpulang-lah kapada Menteri, mana yang mustahak hendak di-bagi kewangan, dan keuntongan kapada Perkhidmatan Kapal Terbang Malaysia-Singapura; itu yang di-utamakan menengok kapada keadaan. Tiap² sa-orang Menteri di-beri tugas boleh menukarkan keutamaan mengikut pada mustahak-nya. Kalau Ahli Yang Berhormat tidak tahu, tanya saya dahulu, kemudian baharu saya boleh terangkan, bukan tuduh buta² sahaja bagitu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, erti-nya dalam perkara ini Yang Berhormat Menteri ini sudah lari daripada peruntokan asal itu dengan kebijaksanaan-nya sendiri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Ini tidak ada lari². Saya tidak takut, hendak lari ka-mana lagi! (Ketawa).

PEPEREKSAAN DENGAN COMPUTER

11. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah

beliau sedar bahawa sa-bilangan besar penuntut yang sentiasa mendapat keputusan yang chemerlang dalam peperiksaan² yang di-adakan oleh sekolah² itu sendiri, telah gagal mendapat kenaikan darjah mengikut chara peperiksaan² baharu yang menggunakan computer dan jika sedar, boleh-kah Menteri itu menerangkan sebab²-nya dan apa-kah langkah² yang beliau berchadang hendak ambil supaya Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran itu satu² ujian yang adil menguji kebolehan², kecherdekan dan kechenderongan penuntut².

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran ia-lah satu ujian yang adil ka-atas kebolehan, kechergasan dan bakat chalun² yang mengambil-nya. Ujian objective peperiksaan yang menggunakan computer yang di-perkenalkan pada tahun ini ada-lah satu chara ujian yang boleh dapat dan memerlukan murid² menghabiskan semua bahagian dalam sukatan²-pelajaran. Murid² yang suka mengagak² soalan² tidak akan mendapat markah² yang baik dan murid² yang biasa-nya baik dalam kerja kelas-nya akan juga dapat membuat ujian² objective ini dengan baik-nya. Kami belum ada terjumpa dengan murid² yang di-nilaikan tinggi oleh sekolah² masing² tetapi gagal dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Walau bagaimana pun, ada murid² yang tidak berjaya naik darjah oleh sebab mereka tidak lulus dalam Bahasa Kebangsaan.

Ahli Yang Berhormat tentu-lah sedar bahawa sa-orang chalun di-kehendaki lulus dalam Bahasa Kebangsaan dan Ilmu Hisab I untuk membolehkan ia naik darjah. Kedudukan ini tidak ada kena-mengena dengan peperiksaan yang menggunakan computer.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Speaker, Sir, in view of the widespread dissatisfaction with the recent L.C.E. results what steps has the Ministry taken to get the pupils at present in Form III to be familiar with the computer-type of questions that they will have to face at the end of this year?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tiap² murid mesti-lah lulus Bahasa Kebangsaan dan Ilmu Hisab I baharu-lah boleh di-naikkan Tingkat IV. Jadi, jikalau Ahli Yang Berhormat itu selalu berkata beri semua orang seronok, jadi saya tidak guna berchakap apa-kah untuk memberi peluang kepada semua murid² seronok, melainkan Tingkat IV; itu memang-lah tidak dapat. Jadi, Kementerian Pelajaran ini telah menjalankan tugas saddy upaya untuk menolong kepada murid² sahaja, mengikut dasar pelajaran tetapi dengan dasar-nya jika Ahli Yang Berhormat itu tidak bersetuju Bahasa Kebangsaan sa-bagai Bahasa rasmi yang mesti lulus (*Tepok*). Jadi kalau dia tidak bersetuju, saya pulang balek kepada dia.

Tuan Geh Chong Keat (Pulau Pinang Utara) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I would like to ask a supplementary question. Can the Honourable Assistant Minister of Education explain to this House why the students sitting for the L.C.E. examination were not allowed to take home the examination question papers as has been done in the previous years? Now, this is very important because the Minister of Education had announced that he is prepared to review the case of the failures in order to allow them to continue their study? Now, how could the Ministry judge or give these children a comparison of their work or give them a basis to their claim that they have answered their examination papers well by collecting all these examination papers back? What I understand from the Minister is that there has not been any strict instructions for all these papers to be collected in view of the fact that the students sitting for this examination had already paid the relevant fees for the stationery as well as the question papers.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, langkah² telah di-ambil oleh Kementerian Pelajaran dan juga chakapan² oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-Dewan ini. Akan tetapi, Ahli Yang Berhormat itu tidak ada

dalam Dewan ini, jadi dia tidak faham apa² langkah yang telah di-ambil.

Tuan Geh Chong Keat: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah kita minta di-sini Menteri Muda kita memberi akuan di-tahun² yang akan datang examination papers itu murid² boleh bawa balek ka-rumah?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini Kementerian saya boleh mengambil perhatian.

MENGHAPUSKAN PEPEREKSaan MASOK SIJIL PERSEKOLAHAN TINGGI

12. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran bagaimana-kah beliau berchadang melaksanakan keputusan-nya hendak menghapus peperiksaan masuk Sijil Persekolahan Tinggi dan mengasaskan kemasukan ka-Sijil Persekolahan Tinggi itu kepada keputusan² Peperiksaan Senior Cambridge/Sijil Pelajaran Malaysia.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran pada masa ini sedang menyusun butir² mengenai peratoran pemilehan untuk memasuki Kelas² Tingkatan VI Rendah dengan berdasarkan kepada keputusan² Peperiksaan Sijil Seberang Laut/Sijil Pelajaran Malaysia. Oleh yang demikian, saya dukachita tidak dapat memberi butir² itu pada peringkat ini.

Dr Tan Chee Khoon: The Assistant Minister of Education has refused to reveal the basis on which the entrance to the Lower Sixth Form is judged from the Senior Cambridge or the M.C.E. Can he give us details of how he is going to reconcile this lapse of time as between the opening of a term for the Form Sixth, or indeed for every school in this country, and the arrival of results of the Senior Cambridge or the M.C.E.?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab perkara ini tidak boleh memberi butir² itu pada peringkat ini—jadi, di-masa akan datang memang-lah boleh.

Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*): Sir, may I ask the Honourable Assistant Minister of Education how soon will the Government consider releasing these details? Secondly, by virtue of the fact that Government has not yet worked out the details of the method of qualification or the level of qualification, how does the Minister honestly and sincerely hope that the teachers concerned, with the best of intention, can try and work out a programme to get the students or the pupils to qualify under the scheme that is to be proposed later?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama bila masa-nya tiba kita boleh-lah beritahu. Yang kedua, semua guru² itu faham apa-kah perkara yang mustahak untuk murid² lulus peperiksaan-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri Muda yang berkenaan sedar bahawa sekarang telah bulan dua dan tidak berapa lama lagi masa akan tiba dan oleh sebab itu boleh-kah Menteri yang berkenaan atau Kementerian Pelajaran bekerja dengan sa-chepat mungkin-nya untuk memberitahu kepada murid², atau ibu-bapa detail tentang pemilehan masuk H.S.C.?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang bekerja sa-chepat²-nya. Jadi, Ahli Yang Berhormat itu jangan-lah berfikir Kementerian Pelajaran ini berjalan begitu. Dia selalu fikir itu, saya pulangkan balek kepada dia.

Dr Lim Chong Eu: Mr Speaker, Sir, any teacher worth his salt is really very greatly concerned if the results by his pupils do not come within his expectation. I think, Sir, in fairness to all teachers who earnestly try to bring their children up to the level of qualification, the Ministry should give the details as soon as possible. Otherwise, I think the general impression must be that one of the main causes of the bad results is due not so much to the teaching that is provided to the pupils nor to the ability or intelligence of the pupils concerned, but rather to

the extremely peculiar habit of the Ministry on deciding upon a new form of examinations just at the wrong time, or without giving sufficient time for the teachers and the schools to prepare their pupils for the examinations. Will the Honourable Minister, under those circumstances, consider and assure this House that the details of these examinations will be given to this House or made public as early as possible to give the schools and the teachers a fair time to prepare the students to get through these examinations?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan itu. Tiap² guru, atau pun sekolah yang berkenaan itu telah di-beritahu apakah perkara² mustahak untuk meluluskan murid² yang harap mendapat kelulusan mata² pelajaran yang berkenaan.

PEPEREKSAAAN SIJIL RENDAH PELAJARAN—KEPUTUSAN²

13. Dr Tan Chee Khoo minta kepada Menteri Pelajaran memberikan:

- (i) bilangan mereka² yang mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran baharu² ini, bilangan mereka² yang mendapat Pangkat A, Pangkat B, dan bilangan mereka² yang mendapat Pangkat C. Harap berikan angka² tersebut berasing² bagi mereka² yang mengambil peperiksaan itu,

(a) dari sekolah² yang di-bantu penuh;

(b) sa-bagai chalun² persendirian;

- (ii) ada-kah beliau sedar akan perbezaan besar dalam peratus kelulusan² di-antara sa-buah sekolah dengan sekolah² yang lain dan sama ada beliau telah menyiasat sebab² perbezaan tersebut dan jika sudah, apa-kah sebab² perbezaan itu berlaku.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua.

(i) Angka² itu ada-lah saperti berikut: Peperiksaan L.C.E., S.R.P. tahun 1967 pembahagian keputusan pangkat²

bagi sekolah² Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan:

Pangkat "A" Bahasa Pengantar Inggeris ..	23,759
"B" ..	1,934
"C" ..	23,222
Jumlah ..	48,915

Pangkat "A" Bahasa Pengantar Melayu ..	16,220
"B" ..	949
"C" ..	17,367
Jumlah ..	34,536

Pembahagian keputusan pangkat² bagi sekolah² sua private, atau chalun² persendirian sa-chara persaorangan:

Pangkat "A" Bahasa Pengantar Inggeris ..	4,665
"B" ..	1,330
"C" ..	21,391
Jumlah ..	27,386

Pangkat "A" Bahasa Pengantar Melayu ..	3,233
"B" ..	239
"C" ..	5,967
Jumlah ..	9,439

(ii) Pada masa yang telah lepas memang selalu terdapat perbezaan dalam peratus kelulusan angka sekolah² bagi peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan dalam apa juga peperiksaan pun termasuk peperiksaan Sijil Sebarang Laut, Sijil Pelajaran Malaysia. Kita tidak menjangka tiap² sekolah dalam negeri ini memperchaya² keputusan yang sama pada tiap² tahun, kerana perbezaan ini bukan-lah satu perkara yang luar biasa. Oleh itu perbezaan² dalam peperiksaan S.P.R. itu bukan-lah di-luar dugaan.

(Tempoh pertanyaan mulut telah chukup dan jawapan kepada pertanyaan² No. 14 sampai No. 18 ada-lah di-beri di-bawah ini).

TANGGA GAJI UNTUK SEMUA PEGAWAI² PERUBATAN, SARAWAK

14. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Kesihatan sama ada Kerajaan Pusat akan menerima chadangan, sa-kira-nya ada, daripada Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan dengan tangga gaji untuk semua

Pegawai² Perubatan Sarawak supaya sa-laras dengan peringkat yang di-ni'mati oleh pegawai² yang ada di-Malaysia Barat.

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Apa² chadangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan dengan tingkatan gaji bagi Pegawai² Perubatan di-dalam Sarawak akan di-timbangkan oleh Kerajaan Pusat.

COCONUT OIL FACTORIES

15. Tuan Ahmad bin Arshad (dengan izin) asks the Minister of Commerce and Industry to state:

- (a) the number of registered coconut oil factories which are:
 - (i) Government-owned;
 - (ii) privately owned; and
 - (iii) publicly owned;
- (b) whether his Ministry is aware of the difficulties and exploitation caused by the factory owners on the smallholders, and if not, whether his Ministry will consider carrying out an investigation into their affairs, and if so, whether Government will consider setting up a large coconut oil factory in this country.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun):

- (a) The number of registered coconut oil factories in West Malaysia is as follows:
 - (i) Government-owned Nil
 - (ii) privately owned ... 65 in 1966
 - (iii) publicly owned ... Nil
- (b) My Ministry is not aware of the difficulties imposed upon and the exploitation of the small-holders by the factory owners. However, my Ministry is prepared to look into the allegations of exploitation and difficulties brought about by the factory owners if we are provided with more specific details and information regarding this matter.

At present the Government has no intention of setting up a coconut oil factory.

BILANGAN ORANG TUA YANG UZUR DI-DAERAH KRIAN

16. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am:

- (a) ada-kah benar bahawa bilangan orang² tua yang tidak berupaya di-Daerah Krian, Perak makin bertambah, dan jika benar, berapa bilangan-nya;
- (b) ada-kah Kerajaan akan menimbang mendirikan rumah² untuk orang² tua dalam Daerah itu dengan sa-berapa segera.

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan):

- (a) Tidak-lah dapat di-nyatakan sama ada bertambah bilangan orang² tua yang uzur di-Daerah Kerian oleh kerana tidak ada penyelidikan yang di-jalankan untuk menentukan perkara ini.
- (b) Majlis Pusat Kebajikan Chawangan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri telah pun menimbangkan pembenaan sebuah Rumah bagi orang² tua yang memerlukan tempat perlindungan di-dalam Daerah Kerian. Oleh itu tidak-lah mustahak bagi Kerajaan Persekutuan membena sebuah Rumah Orang² Tua di-Daerah itu.

RANCHANGAN UNTUK ORANG² TUA MISKIN DI-PANTAI BARAT DI-BAWA KA-TRENGGANU

17. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am ada-kah benar bahawa Kementerian ini sedang mengambil langkah² mengumpul orang² tua miskin di-Pantai Barat untuk di-bawa ka-Trengganu dan di-benarkan tinggal di-ladang² kelapa sawit di-negeri itu.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Kementerian saya tidak ada mempunyai ranchangan seperti itu.

BILANGAN TAMAN HAIWAN DI-MALAYSIA

18. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian:

- berapa bilangan taman haiwan (Zoo) yang ada di-Malaysia;
- ada-kah apa² rancangan menambah bilangan itu;
- sebutkan binatang² tempatan dan luar negeri yang ada dalam Zoo Negara; dan
- berapa jumlah hasil yang di-perolehi dari Zoo Negara di-Ulu Klang.

Menteri Tanah dan Galian (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub): Perkara taman haiwan tidak termasuk di-bawah Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian. Walau bagaimana pun mengikut keterangan yang saya dapati daripada Persatuan Zoo Malaya jawapan² yang di-kehendaki ada-lah seperti berikut:

- Bilangan taman haiwan yang ada di-Malaysia sekarang ia-lah empat.
- Pada masa sekarang tiada apa² rancangan menambah bilangan taman haiwan itu.
- Bilangan binatang tempatan yang ada di-dalam Zoo Negara sekarang ia-lah 356 ekor dan bilangan binatang luar negeri ia-lah 237 ekor.
- Jumlah hasil yang di-perolehi dari Zoo Negara dalam tahun 1967 ia-lah \$196,119.30.

SURAT BANTAHAN SEBAB TIDAK DAPAT PELUANG ME- NYERTAI DALAM PERBAHA- THAN DI-ATAS PERUNTOKAN KEMENTERIAN PELAJARAN DARI AHLI²

Tuan Yang di-Pertua: Sa-belum di-di-sambong sa-mula perbahathan atas anggaran Kementerian Kesihatan, saya suka hendak memberi satu ma'alumat kepada Ahli² Yang Berhormat. Saya ada menerima sa-puchok surat yang di-tanda tangani oleh beberapa Ahli² dari sa-belah sini, menyatakan tidak puas hati mereka tidak dapat peluang berchapak dalam perbahathan di-atas

peruntokan Kementerian Pelajaran. Walau bagaimana pun saya sentiasa menchuba menjalankan kewajipan saya dalam Dewan ini dengan 'adil, tetapi saya juga terta'alok di-bawah Peratoran Majlis Meshuarat berkenaan dengan peruntokan masa bagi membahathkan Rang Undang² Perbelanjaan ini. Kita chuma ada lima hari sa-tengah sahaja dan ada lagi 50 Kepala, dan pula nam-pak-nya, jika di-lanjutkan masa supaya dudok sampai malam, ramai Ahli² pula tidak hadir. Dengan yang demikian terpaksa-lah saya menchermatkan masa. Harap-lah Ahli² dapat memahami dan memandang perkara ini kadang² dari sa-belah saya.

Menurut Peratoran² Majlis Meshua-rat di-bawah Peratoran² Berbahath Fasal 35 (2), jika dua atau lebeh dari-pada dua orang Ahli bangun sa-rempak, maka Pengerusi hendak-lah memanggil Ahli yang dahulu sa-kali terpandang oleh-nya—ini terpaksa saya mengikut juga.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Kesembilan).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Kepala B. 29—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah, Kepala B. 29 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Pengerusi,

LATEHAN

Latehan untuk semua lapisan kaki-tangan telah pun di-jalankan dengan lancar-nya.

Bilangan biasiswa Kerajaan untuk penuntut² perubatan bagi ijazah M.B.B.S. telah bertambah dari 40

dalam tahun 1966 kepada 48 dalam tahun 1967. Bagaimana pun chuma ada 2 penuntut perubatan pergigian dan 3 penuntut kimia ubat yang di-masokkan ka-Universiti. Bilangan penuntut² yang mempunyai biasiswa Kerajaan ada-lah seperti berikut:

Perubatan ...	...	290
Pergigian ...	...	15
Kimia Ubat ...	...	8

Dan lagi sa-jumlah 40 doktor², 4 pakar pergigian dan 1 ahli kimia ubat telah di-hantar ka-luar² negeri dalam tahun 1967 dengan biasiswa Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia dan Kerajaan negeri² luar.

Latehan bagi kaki-tangan sa-paroh perubatan ada-lah bertambah baik, dan dalam tahun 1967 satu ranchangan latehan untuk 41 Pembantu Ma'amal Muda telah di-jalankan.

Untuk mengatasi kekurangan jururawat bagi rawatan sakit otak chadangan² sedang di-timbangan untuk melateh banyak lagi jururawat² ini di-United Kingdom.

Latehan "post graduate" bagi mendapat kelayakan yang lebeh tinggi untuk doktor² dan pakar² pergigian ada-lah juga memuaskan, sungguh pun sambutan untuk mendapat kelayakan khas bagi ilmu Pathology dalam ilmu Penyakit Otak maseh lagi kurang. Latehan² kaki-tangan² pembantu untuk di-tempatkan di-bahagian² khas di-semua pusat² sedang di-jalankan. Sa-jumlah 30 kaki-tangan sa-paroh perubatan telah di-hantar keluar negeri dalam tahun 1967 dengan pertolongan dari Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia dan lain².

Kursus² dalam negeri telah di-kelola dalam tahun 1967 untuk meliputi perkara² khas seperti kusta, kesihatan luar bandar, pentadbiran jururawat, pembasmian malaria, pelajaran kesihatan dan ranchangan keluarga untuk doktor² dan kaki-tangan² sa-paroh perubatan. Dengan kaki-tangan² yang lebeh terlateh ini, kecekapan perkhidmatan akan bertambah lagi.

Di-Sarawak dalam tahun 1967 pengi² tirafan penoh telah di-beri oleh Majlis Jururawat 'Am England dan Wales

kapada Sekolah Latehan Jururawat Kuching. Di-masa yang lampau pelateh jururawat terpaksa di-hantar ka-luar negeri untuk mendapatkan Sijil Jururawat Berdaftar Negeri, tetapi sekarang Sijil ini boleh di-dapati di-Kuching.

PERGIGIAN

Ranchangan² ada-lah sedang di-buat untuk membenakan Klinik Pergigian yang baru di-Melaka, Kulim, Kuala Trengganu dan Kuala Lumpur. Di-tiap² Pusat Kesihatan yang akan siap dalam tahun 1968, Perkhidmatan Pergigian akan di-adakan. Sekolah Latehan Jururawat Pergigian di-Pulau Pinang mengadakan latehan untuk bukan saja chalun² dari Malaysia Barat, Sarawak dan Sabah, tetapi juga untuk chalun² dari negara² sahabat jauh dan dekat. Di-akhir tahun 1967 ada 103 pelateh jururawat pergigian:

- 67 dari Malaysia Barat
- 23 dari Sarawak
- 4 dari Sabah
- 5 dari Nigeria
- 2 dari Hong Kong
- 2 dari Vietnam Selatan.

Di-Sarawak satu Pusat Pergigian di-Sibu telah di-buka dalam tahun 1967. Tambahan akan di-buat kapada 21 Klinik Pergigian Sekolah di-sekolah² rendah Sarawak dengan pembukaan 19 kelinik baharu dalam tahun 1968.

PERHUBONGAN DENGAN ORANG RAMAI

Saya suka memberi tahu Ahli² Yang Berhormat sakalian bahawa perhubungan antara kaki-tangan² dengan orang ramai telah banyak bertambah baik sa-bagai mana ternyata dengan berkurangan bilangan aduan² yang di-terima, terutama-nya sa-lepas melan-charkan Gerakan Mesra. Bagaimana pun saya suka menyeru kapada orang ramai untuk bekerjasama dan bersefahaman, dengan mengingatkan bahawa kemudahan² penoh dan kaki-tangan² yang chukup maseh lagi belum ada di-semua tempat.

BANTUAN LUAR NEGERI

Kementerian saya telah menerima bantuan² berharga ia-itu pakar², alat² dan biasiswa² dari berbagai² pertubohan antarabangsa dan dari negara²

sahabat dan di-sini saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih terhadap bantuan² mereka ini.

PENUTUP

Maseh lagi banyak perkara² yang mesti di-buat, untok menghadapi tujuan dan matlamat kita, untok memperbaiki, membesarkan dan menyenggarakan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan untok keperluan² bukan sahaja ra'ayat yang ada sekarang, baik di-dalam bandar mahu pun di-luar bandar, tetapi juga untok keturunan akan datang. Bagaimana pun, Tuan Pengerusi, saya perchaya bahawa dengan kerjasama dan sokongan penoh dari semua pihak berkenaan, terutamanya dari pegawai² dan kaki-tangan Kementerian saya, tujuan² ini yang sangat penting kapada kesihatan dan kema'amoran negara kita akan terchapai.

Tuan Pengerusi, saya pohon mengeshorkan peruntokan bagi Kementerian Kesihatan ini di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 20 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.15 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.40 pagi.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong-sa-mula.

Dr Tan Chee Khoo (Batu) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, in rising to speak on the estimates for the Ministry of Health, I wish to draw the attention of the House to page 295—Headquarters, and I wish to comment a little on the staff of the Headquarters.

Mr Chairman, Sir, the Minister knows that there are lots of dead-wood in his Ministry's Headquarters and the sooner he gets rid of the dead-wood in his Ministry the better it will be for him and for his other officials in the

Ministry. The Minister knows full well whom I am referring to and, consequently, there is no need for me to mention names. The Minister, I hope, after what I have said, should not let sentiment cloud his judgment as a Minister and should do what is good for the country and not "sayangi" some dead-wood in his Ministry.

Mr Chairman, Sir, I come now to page 298, the various superscale posts that have been allocated for his Ministry. I well remember last year the Minister in answer to several questions that I had asked said that these superscale posts were but the beginning and that in time to come the superscale posts would be increased. Unfortunately, as I look through the estimates very carefully, I do not see any increase in superscale posts. I must warn the Minister that unless there are avenues of promotion for the more senior staff of the Ministry of Health, what will happen is that they will all leave his Ministry and either go to the University or go into the private sector, and I shudder to think of places where there will be a shortage of experienced staff as a result of the resignation of people who are judged to be fit for superscale post, but because there are no posts, then, they will leave for pastures new.

Now, here I wish to draw the attention of the Minister of Health to the principle enunciated by his colleague the Minister of Finance when he explained that golden handshake of his ex-colleague amounting to \$61,500. In explaining that golden handshake the Minister of Finance enunciated what to me and to most doctors in this country, and certainly to the doctors in the Ministry of Health, a very important principle, that the ex-Minister of Home Affairs has given 12 years of his life-time for the service of this country, and that the doctors in private practice are minting money. Therefore, the Government is justified in giving this \$61,500—to the former Minister of Home Affairs. Now, I do hope that the Minister of Health will take up this principle enunciated by his colleague the Minister of Finance to senior officers serving in

the Ministry of Health. They have not given 12 years to the service of this country, they have given in some cases, 36 years of service, almost the whole lifetime of one's working life to the service of this country—three times the service in length of time by the former Minister of Home Affairs. I can assure the Minister of Health that some of the senior officers of his Ministry really will be minting money, if they leave Government service to go into private practice. Consequently I hope the Minister of Health will take up this question of extending the same principle enunciated by the Minister of Finance in connection with the golden handshake for the ex-Minister of Home Affairs to the senior officers in his Ministry. I am sure the SAGOA, and in particular the Medical Committee of SAGOA, will be very interested in discussing this principle with the Minister of Health.

Mr Chairman, Sir, I come now to this Dental School. The Minister knows full well the necessity for a Dental School. As one associated with the University of Malaya, I regret to say that the University of Malaya year in and year out has to put a token vote of \$10 for the Dental School. I do know that there is, in these times of financial stringency, a dearth of money for such projects. But the dental health of this country is very important as the Minister knows well, and I hope he will be able to convince his Cabinet colleagues and, in particular, the Minister of Finance that instead of this golden handshake of \$61,500 were it given as a start for the Dental School, I am sure it will be put to better use by the Minister. The Minister knows that there is a tremendous shortage of dental officers both at his Ministry level and in the various States and that the dental health of the nation instead of improving is deteriorating and, consequently, there is an urgent need for the establishment of a Dental School in the University of Malaya. The University of Malaya has established a Committee to investigate into this matter and I think it will put forth its report to the Government very soon, and I do hope when this report is forwarded to the Ministry of Health,

they should not just put it into a pigeon hole and forget about it.

Mr Chairman, Sir, I now come to page 301, the Laboratory Assistants. I know that there are only three superscale posts for the whole Laboratory Service in the whole Federation. I believe I am right in saying that while in other services there has been an increase in superscale posts, these three superscale posts existed during the time when I served in the General Hospital, Kuala Lumpur. That was way back in 1950. Almost 18 years have gone by and the three superscale posts remain as three superscale posts. Can the Minister of Health expect to get satisfactory service from the Laboratory Assistants in his Ministry, if they find that there are no avenues of promotion for the rank and file. Worse still, there is now, I believe, a work-to-rule, or the Laboratory Assistants have refused to do overtime work as a result of what they think are unsatisfactory conditions of service. Now, this is a very serious matter, Mr Chairman, Sir, because the Minister knows full well that in the night if there is an urgent blood transfusion that is needed, if there are no Laboratory Assistants willing to come out of their homes to do the blood typing, then if blood is given—the Minister knows full well that there is currently an enquiry going on in Kota Bharu—I shudder to think of Kota Bharu being multiplied all over the country as a result of refusal to do overtime by the Laboratory Assistants. I do hope that the Minister will negotiate with the Union concerned, the Laboratory Assistants Union, to find a fair way to settle this dispute between the Ministry and the Union concerned. They, I gather, are very anxious to do overtime because it means a little extra money to them and they know their obligations to the public. But, unfortunately, because of what they feel inadequate terms of service, they have refused to do overtime.

I come now to malaria eradication. Mr Chairman, Sir, I notice that last year it was given \$5.25 million and this year it has been given \$5.341 million. In the Press from time to time we hear

pontifications either from the Ministry officials, or from the Minister, that this country is going to eradicate malaria. Unfortunately, I believe I am right in saying that far from eradicating malaria, malaria is either at its pre-Merdeka level or, perhaps, may be increasing. Now, this is no surprise to me when you look at the allocations for this Ministry. On page 325, there has been an allocation in 1967 of \$10 for the publishing of a book on "Anopheline Mosquitoes of the Malay Peninsula." In 1968 the same allocation of \$10 is put there. Now, if malaria is judged to be a serious threat to the health of this country, surely the publication of such a book for the use of those connected with the malaria eradication campaign will go a long way towards helping that campaign? Then on page 325, also under O.C.S.E. there is a Sub-head "Anti-Malarial Control Measures Schemes in F.L.D.A. Schemes" for which in 1967 there was a \$90,000 allocation. Unfortunately, I believe, in 1968 there is no allocation for such work. Now, it is wellknown that malaria far from being non-existent in F.L.D.A. schemes, in some F.L.D.A. schemes it is rampant, and I do not see why this vote of \$90,000 in 1967 is taken away in 1968.

The other matter in connection with malaria eradication that I wish to bring to the attention of the Honourable the Minister is the co-operation of the private practitioners on this matter. Private practitioners up and down the country in the course of their daily work to see cases of malaria and I wish to emphasise to the Minister that they diagnose malaria not by feeling the spleen. They diagnose malaria when they see the parasites under the microscope. It has been brought to my attention that a case of malaria was notified to a Health Officer in a district. After two weeks finding that nothing had happened, the practitioner concerned notified the senior officer concerned and told him "Well, you know this case has occurred in such and such a village". Unfortunately, more than a month has elapsed, and up to now no official of the Health Department has been to see the victims

of malaria in the village and meanwhile where the father was a victim of malaria, now his son is also a victim of malaria. Now, this village is a notorious village for malaria, and one would have thought that having received notification of malaria in that village the officials of the Ministry of Health should have rushed to that village but, again I wish to draw to the attention of the Minister, after more than a month, nothing exactly has been done. Now, is that the way the Minister wished to eradicate malaria in this country? All that I would say is that it looks to me that the malaria eradication campaign is a farce and that those who are connected with it do not pay attention to known cases of malaria that are reported to them. I do hope that in addition to waiting for cases of malaria to be reported to the Ministry, the Ministry should write to the various doctors in private practice and ask them for their co-operation to notify them of cases of malaria, so that these hot spots of malaria can be eradicated rather than waiting in air-conditioned rooms for such notification of cases to come.

The other thing of course is the form that is used for notification which is totally out of date, as is also with the other forms used by the Ministry. I do hope that the Minister will bring the notification forms up-to-date, so that the practitioners need not have to fill a whole heap of unnecessary details.

Before leaving the subject of malaria eradication, I only want to bring to the attention of the Honourable Minister, if he does not know, that the Minister of Health in Ceylon has resigned because of an outbreak of malaria in Ceylon and he felt that he could not control malaria there and he felt duty-bound to resign. I do hope that it will not happen to our Minister of Health.

Mr Chairman, Sir, I come to page 322, O.C.A.R. 2 (10). The sum of \$600,000 is being spent by the Ministry on telegrams and telephones. I do concede that telegrams and telephones are necessary for the workings of a Ministry, but why \$600,000? I do hope that the Honourable Minister, in his reply, will give us a clarification.

On page 323, under O.C.A.R., Sub-head 26, there is a sum of \$2.172 million for Transport last year; this year there is a sum of \$2.2 million for transport. Again to me, at least, this seems rather very large and I do hope that the Honourable Minister will give this House a detailed reply as to why such huge sums of money are necessary for transport. Perhaps, if it is cut down by half, the \$1.1 million can go towards the erection of a School of Dentistry.

Page 324, O.C.S.E., Sub-head 46, there is the item "Motor Vehicles" and presumably these are ambulances. Last year the allocation was \$800,000; this year the allocation is \$424,900. If, as I surmise, this sum is mainly meant for the purchase of ambulances, then I say that the Honourable Minister has done wrong in cutting down the allocation from \$800,000 to \$424,000 because he knows that the ambulances, not only in Kuala Lumpur but throughout the country, are in a dilapidated state and on many occasions the ambulances in Kuala Lumpur have broken down half way on mercy missions, and as such, far from cutting it down, the Minister should have got from the Treasury an increase in this allocation to see that the ambulance in this country at least do not break down when they are called for by the public.

Finally I come to the allocation of \$90,000 found on page 325, O.C.S.E. for "Expenses of part-time private Medical Practitioners". The Minister knows that the Malayan Medical Association has been in touch with his Ministry. The various private practitioners associations up and down this country have been in touch with the various Chief Medical and Health Officers up and down the country, in order to help implement this part-time work by private practitioners. Unfortunately, although there have been many volunteers, certainly in Selangor, the C.M. and H.O. was unable to make use of the services of practitioners in Selangor because the stock answer was that there was no money from the Treasury. I notice that the allocation under this Head has been increased from \$22,400 to \$90,000. I wish to state that if the

Minister wishes to make greater use of the private practitioners—and the Minister knows that these services that the private practitioners offer can go a long way towards helping to solve the staff problems of his Ministry—then he should get a greater allocation from the Treasury, in order to see that the offers of help from the private practitioners will be accepted by these C.M. and H.Os. up and down the country. I can assure him, on behalf of the Malayan Medical Association, that the private practitioners up and down the country are willing to offer their services as part-time practitioners in the various hospitals, but unfortunately until last year at least, these offers could not be accepted by the Ministry of Health. Thank you.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, berchakap di-atas peruntokan Kepala B. 29—Kementerian Kesihatan, Pechahan-Kechil, perkara Pentadbiran, yang Menteri Kesihatan bertanggung-jawab di-atas semua hal ehwal Kementerian-nya.

Pada petang kelmarin saya telah mendengar laporan² yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kemajuan yang di-jalankan oleh Kementerian-nya pada masa ini. Saya berpendapat, Kementerian ini ada-lah sama penting-nya dengan Kementerian² yang lain. Kesihatan kepada tiap² manusia memberi erti kata yang dekat kepada sa-saorang untuk mendapatkan harapan-nya yang tinggi, maka perkhidmatan kesihatan bagi Kementerian mahu-lah di-selaraskan dengan sa-penoh²-nya kepada sa-tiap perengkat ra'ayat jelata, baik di-bandar walau pun di-luar bandar. Jangan hendak-nya Kementerian Kesihatan memberi semua kemudahan²-nya kepada sa-golongan ra'ayat sahaja, ia-itu mereka yang duduk di-dalam bandar² sahaja.

Negara saperti Malaysia ini yang sedang membangun, di-dalam semua lapangan ekonomi dan sosial-nya, bukan harapan kita untuk mendapatkan kejayaan ini sa-mata² bergantung kepada inisiativ² penduduk² di-bandar sahaja. Ra'ayat di-luar bandar pun juga

memainkan peranan mereka di-dalam pembangunan negara, dan ra'ayat di-luar bandar juga di-anggap sa-bagai tulang belakang negara. Sunggoh pun mereka ada daripada gulungan² yang miskin, tetapi mereka tidak juga membelakangkan seruan Kerajaan supaya menurut sama dalam memajukan negara. Mereka yang menjadi petani², atau peladang², sekarang telah bergiat bekerja menanam padi dua kali setahun, dan mereka yang menjadi nelayan pun telah menukar chara menangkap ikan mereka dengan chara yang mendapatkan hasil yang banyak dan mereka yang berkebun kechil sedang menanam sa-mula getah tua mereka. Tetapi, semua ini bergantung kepada kesihatan yang baik. Jika perkhidmatan yang di-harap²kan mereka tidak di-salurkan kepada mereka, maka bagaimana-kah mereka itu menjalankan usaha dan tenaga mereka? Sa-tengah² kampong atau desa sunggoh pun ada kelinik, atau pun gudang ubat, tetapi dukachita saya menyatakan chuma ada bangunan-nya sahaja. Sa-tengah² kelinik dan gudang ubat tidak ada mempunyai pegawai² untuk menguruskan-nya, semua-nya di-tadbirkan dengan chara lawatan sa-minggu sa-kali atau kadang² dua minggu sa-kali atau kadang² sa-bulan sa-kali. Dan orang² kampong ini jikalau berlaku sa-barang kechemasan hendak mendapatkan perubatan dan pergi ka-bandar dan terpaksa membayarkan atau membelanjakan wang yang banyak untuk mendapatkan perkhidmatan ubat tersebut. Penyakit² saperti demam malaria, sejok, demam panas, tibi, kudis² dan cheret-beret sangat² berjadi² di-kawasan² di-luar bandar. Ada pula mereka yang mendapat perubatan daripada kelinik² dan gudang² ubat perkhidmatan ubat yang di-katakan ia-lah sa-bagai Kelas III sahaja saperti ubat yang di-champor dengan ayer. Saya berharap jangan-lah pehak Kementerian Kesihatan membeza²kan perkhidmatan²-nya di-antara orang² bandar dengan orang² kampong.

Mengenai kawasan saya sunggoh pun Kerajaan telah membuat ranchangan mengadakan sa-buah hospital luar bandar di-Changkat Melintang untuk penduduk² yang ramai di-tepi Sungai

Perak, tetapi ranchangan ini nampak-nya tinggal janji sahaja daripada satu Menteri ka-satu Menteri dan daripada satu tahun ka-satahun. Saya suka juga menarek perhatian Kementerian ini pada membahathkan peruntukan pembangunan Malaysia Yang Pertama, ia-itu tahun 1967 ada mengatakan peruntukan sa-banyak \$10,000 telah di-untukkan untuk permulaan membangun hospital tersebut, tetapi apa yang saya lihat wang \$10,000 ini tidak di-belanjakan, tetapi di-untukkan pada tahun ini \$10,000 lagi. Jadi ini ada-lah satu permainan yang hendak di-buat² untuk berjanji yang bukan²; tidak ada menasabah, jikalau hendak buat hospital yang anggaran sa-banyak \$1,500,000 hanya \$10,000 sahaja di-untukkan tahun 1968. Jadi, saya hendak menarek perhatian juga Yang Berhormat Menteri keadaan kawasan saya. Kawasan saya ia-lah mempunyai penduduk² yang ramai, bukan-lah hospital ini untuk penduduk² di-kawasan saya, tetapi hospital ini ia-lah untuk penduduk² daripada Parit sampai ka-Telok Anson di-tepi Sungai Perak. Jadi sa-ramai penduduk² di-situ ia-lah di-anggar sa-banyak 100,000. Jadi, baharu² ini, Tuan Pengerusi, kawasan² itu telah di-timpa banjir dua kali dalam tahun 1967. Jadi kebanyakan mereka yang kena banjir ini apabila ayer telah surut mengidap penyakit² saperti penyakit² yang saya sebutkan ia-itu malaria, demam sejok, cheret-beret dan juga oleh sebab keadaan hari ini sebab kejatohan harga getah, maka kehidupan mereka telah terancam oleh sebab banyak daripada penduduk² di-situ mengeluarkan getah. Jadi sekarang ini di-dapati kanak² yang belajar di-sekolah² ia-lah di-dapti kurang zat makanan. Saya hendak bertanya kepada Kementerian ini atau kepada Yang Berhormat Menteri ini ada-kah Menteri ini berfikir oleh kerana kawasan di-tepi Sungai Perak yang penduduk²-nya 95% orang bumiputra, maka mereka tidak berhak mendapat layanan perubatan atau perkhidmatan perubatan dengan sa-wajar-nya? Ada-kah Menteri itu berfikir, atau Kementerian ini berfikir oleh kerana penduduk² di-situ ada-lah orang² yang miskin sebab tidak mampu membayar wang bayaran hospital, maka

ranchangan tersebut tidak mustahak dilaksanakan? Ada-kah Yang Berhormat Menteri ini berfikir, atau Kementerian ini berfikir pendapatan mereka oleh sebab penduduk² di-tepi Sungai Perak itu ia-lah beragama Islam chukup memadai dengan sembahyang lima waktu dan berdo'a kepada Tuhan moga² wujudkan usia mereka dan beri kesihatan sahaja? Jika demikian pendapat Kementerian Kesihatan, saya suka Yang Berhormat Menteri ini beri penjelasan atas perkara ini supaya ra'ayat di-kawasan saya, bukan kawasan saya sahaja, tetapi kawasan Hilir Perak hendak mendengar apa keputusan Kementerian ini berkenaan dengan hospital ini. Jika tidak menasabah hendak buat hospital di-kawasan saya ini, saya telah mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri dahulu supaya ada satu pasokan untuk mengkaji sa-mula. Ada-kah patut atau tidak patut mengadakan satu hospital di-kawasan itu? Jadi, ra'ayat menunggu².

Pada petang kelmarin saya dengar Yang Berhormat Menteri telah mengatakan dia telah buat lawatan dari satu hospital ka-satu hospital, tetapi hospital mana? Hospital di-dalam bandar. Klinik mana? Klinik di-dalam bandar. Tetapi apa sebab Menteri itu tidak mengarahkan Pegawai Perubatan dan Kesihatan Negeri Perak supaya menyiasat sa-mula keadaan di-Sungai Perak itu. Jadi, di-sini-lah saya berasa dukachita di-atas sikap Kementerian ini terhadap ra'ayat yang dudok menderita pada masa ini di-dalam kawasan saya. Terima kaseh.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bharu Timur): Tuan Pengerusi, saya bangun ada-lah memberikan sa-penoh² sokongan kepada wang peruntukan yang telah di-beri kepada Kementerian Kesihatan yang telah di-bentangkan di-Dewan ini. Di-samping itu saya menguchapkan satinggi² tahniah kerana telah banyak membawa perubahan baik daripada segi apa juga pun, tetapi di-samping itu saya suka juga mengambil kesempatan untuk memberi pandangan pada B. 29, Pechahan-kepala 50. Saya suka hendak berchakap mengenai dengan

Rumah Sakit Umum Kelas I bagi negeri Johor yang saya rasa sudah sampai masa-nya di-bena satu bangunan baharu, atau pun di-perbaiki bangunan yang ada itu dengan dilengkapi segala alatan keperluan sachara moden, agar sesuai dengan keadaan dan taraf Rumah Sakit Kelas I yang benar² boleh memberikan kepuasan layanan kepada orang yang berhak menerima rawatan yang ditempatkan berubat di-Rumah Sakit Kelas I itu.

Tuan Pengerusi, saya terpaksa mengemukakan masalaah Rumah Sakit Kelas I yang ada sekarang di-Johor Bharu itu ia-lah kerana memandangkan bahawa negeri Johor ada-lah satu daripada negeri, atau bandar yang paling awal sa-kali di-dalam negara Malaysia Barat menerima lawatan para pelanchong luar negeri yang datang menerusi perjalanan dari Singapura, dan kedudukan di-bandar Johor Bharu itu kepada pandangan pelawat² luar negeri ada-lah jatuh nombor dua penting-nya dari Ibu Kota Kuala Lumpur, sebab semua para pelanchong yang sampai ka-Singapura tidak datang melawat bangunan² atau pun bandar Johor Bharu itu. Oleh yang demikian sa-lain daripada bangunan Rumah Sakit Kelas Satu di-Johor Bharu itu berhampiran benar letak-nya dengan Masjid Abu Bakar dan Kebun Binatang yang sentiasa menjadi tumpuan pelawat² luar negeri, maka bilek² rawatan kelas satu itu juga tidak terhad kepada merawat pegawai² Kerajaan sahaja, malahan sentiasa memberikan perkhidmatan-nya merawat ahli² perniagaan, pegawai² dari anggota Angkatan Tentera Darat dan Laut Malaysia; ini bererti bilek² rawatan kelas satu itu sentiasa di-kunjongi oleh berbagai² bangsa yang datang dari jauh dan dekat, kerana melawat saudara mara, atau sahabat-handai mereka yang sedang di-rawat di-situ. Yang demikian alang-kah sedeh-nya pandangan² yang di-dapati di-dalam Bangunan Rumah Sakit Kelas Satu itu baik dari segi alat persediaan yang serba tidak lengkap atau lebih tegas di-katakan alat² chara lama sahaja yang ada di-situ. Sa-hinggakan kepada chawan, pinggan, dulang dan sa-bagai-nya tidak

ada yang sempurna dan berchampur adok, juga pakaian² yang sudah uzor maseh lagi di-gunakan, walau pun chorak² baju, atau seluar itu sudah kabor dan koyak. Di-sini sa-sungguh-nya sangat memalukan kami ra'ayat Johor melihat-nya, tetapi kami faham bahawa keadaan² yang sa-umpama itu mungkin di-sebabkan oleh kekurangan peruntukan kewangan yang di-khaskan kerana Jabatan Kesihatan dan Perubatan di-Johor itu. Oleh kerana itu, saya merayu-lah dengan sa-tinggi² harapan sa-muga dapat-lah kira-nya Rumah Sakit Kelas Satu di-Johor Bharu itu menerima perubahan yang sesuai dengan keadaan kemajuan yang sedang membangun di-negeri Johor itu.

Tuan Pengerusi, suka-lah saya mene-gaskan di-sini bahawa satu daripada kesulitan yang di-alami oleh orang² yang di-rawat di-bilek rawatan kelas satu itu, ia-lah tentang tidak ada-nya bilek² tandas, atau bilek² ayer yang berdekatan dengan bilek rawatan, walau pun di-sana ada pelayan lelaki, atau perempuan, tetapi untuk kemudahan yang lebeh di-perlukan oleh si-sakit itu nampak-nya terpaksa-lah masing² itu membawa isteri atau salah sa-orang daripada anak² mereka bagi melayani kerana ada-lah terlalu sukar bagi sa-orang yang tidak di-benarkan bergerak daripada tempat perbaringan-nya itu untuk mendapatkan layanan daripada pelayan² yang sedang bertugas jauh daripada bilek rawatan itu.

Akhir-nya sa-kali, saya tegaskan bahawa ra'ayat Johor ada-lah berasa tersinggong perasaan-nya apabila mendengar Raja yang amat di-kasehi gering dan di-rawat di-bilek kelas satu ward bersalin bagi orang² perempuan. Ini ada-lah satu² daripada sebab² yang besar mengapa Rumah Sakit Kelas Satu di-Johor Bharu itu perlu dan mustahak menerima perubahan dan kelengkapan² yang lebeh sesuai dengan keadaan zaman tamadun, kerana penyakit² yang mengganggu kesihatan di-zaman sekarang saperti darah tinggi, lemah jantung dan bermacam² lagi penyakit yang selalu membuat serangan mengejut yang menyebabkan orang² yang terkena serang penyakit saperti itu terpaksa di-beri rawatan dengan

chermat dan sempurna. Jadi, dengan sebab ini-lah kami sangat berharap sa-muga apa kira-nya Majlis ini dapat perhatian dari Kementerian ini memberikan perhatian dan pertimbangan yang sa-wajar-nya supaya bangunan Hospital Kelas Satu itu dapat di-bena sa-chepat mungkin, kerana saya takuti kalau² dalam masa yang akan datang ada keluarga² di-Raja kita gering tidak berlaku sa-bagaimana yang telah lepas, ia-itu di-masokkan di-dalam bilek kelas satu ward bersalin. Pada hal ward bersalin ada-lah di-untukkan kerana orang yang hendak bersalin.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head B. 29, Ministry of Health, pages 316 and 317 and to touch on items

Tuan Pengerusi: Speak a little bit louder!

Tuan Edmund Langgu anak Saga: items (464), (487), (489), (490) and (493). Sir, if I am not mistaken, the Medical Officers in West Malaysia enjoy a higher salary scale than their counterparts in Sarawak. Since health is a Federal matter, I wonder whether steps have been taken to bring up the salary scale of these Sarawak Medical Officers to the same level as that enjoyed by their brethren in West Malaysia. If this can be done, Sir, I am certain that it will not only improve the salary scale for the officers concerned but will make the medical line in Sarawak more attractive to the local medical practitioners. We need more doctors as we are really short of them and we are crying for more doctors. So, I would like to urge the Ministry of Health to look into this matter seriously and take immediate steps either to recruit foreign doctors or to upgrade some of the experienced and promising Senior Hospital Assistants there. We do not want empty assurance but deeds. We must have enough doctors and adequate medical facilities in Sarawak.

Sir, I am also given to understand that the local Nurses in Sarawak who obtained the State Nursing Registration Certificates before 1965 are not

recognised by the Government. They are trained Nurses and, therefore, should be recognised now and also should enjoy the same opportunity which has been given to the Nurses who obtained their Registration Certificates after 1965, as stated by the Honourable Minister during his visit to Sarawak a few months ago.

Again, I am given to understand, Sir, that many posts of Nursing Sister in Sarawak were filled by Nurses from West Malaysia. This is not Borneonisation. Why can't the experienced local Staff Nurses, who hold the Sarawak State Nursing Registration Certificates, be promoted to the posts? In this respect, Sir, I would like to urge the Ministry to Borneonise these posts as soon as possible, so that the chance of promotion can be given to the Nurses concerned.

Tuan Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap pada muka 299, Butiran (64) berkenaan dengan Pegawai Perubatan. Sabagaimana yang di-katakan oleh Menteri yang berkenaan semalam bahawa Kementerian-nya sedang berjalan dengan pesat-nya untuk membaiki perkhidmatan kesihatan luar bandar. Jadi, penduduk² kawasan luar bandar yang mendapat projek² ini tentu-lah menguchapkan banyak terima kasih di-atas² projek² kesihatan yang di-beri dan di-dirikan di-luar bandar seperti pusat² kesihatan, kelinik² bidan, perkhidmatan pengangkutan yang di-adakan di-kawasan² luar bandar. Sunggoh pun projek² itu sedang pesat di-adakan, tetapi ada beberapa perkara yang patut di-ambil perhatian oleh Kementerian ini terutama sa-kali tentang mengisi pegawai² dan mengadakan peratoran² yang sesuai kepada mereka yang berkhidmat di-kawasan² luar bandar ini.

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, sunggoh pun Kerajaan sedang mengadakan projek² ini tetapi bagaimana yang di-katakan oleh rakan saya daripada Parit tadi, ada sa-tengah² tempat masih belum cukup lagi pegawai² di-disikan terutama sa-kali perkara² yang mustahak untuk mengisi doktor² di-Pusat² Kesihatan

Luar Bandar ini. Saya berharap dengan tambahan pegawai² dan kaki-tangan bagaimana yang di-sebutkan oleh Menteri yang berkenaan keadaan ini akan dapat di-atasi.

Di-dalam kawasan luar bandar sekarang ini apa yang saya ketahui di-dalam kawasan saya sendiri mithalnya, tidak ada atau pun belum ada sa-orang doktor pun di-tempatkan di-Pusat² Kesihatan Kechil sama ada dengan jalan masa penoh, atau pun dengan jalan sa-hari dua di-dalam sa-minggu, dengan jalan demikian jikalau pehak Kementerian dapat mengisikan perkara ini, saya penoh perchaya penduduk² luar bandar akan dapat perkhidmatan doktor² Kerajaan dengan chara yang mudah.

Berkenaan dengan pengambilan doktor² dari luar negeri saya ucapkan juga berbanyak² terima kasih atas pengambilan 12 orang doktor daripada Republik Arab Bersatu bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Saya berpendapat usaha mengambil doktor² luar negeri ini memandang kepada keadaan negara dalam masa pembangunan ini, Tuan Pengerusi, nampak-nya pengambilan ini tidak-lah begitu pesat. Saya harapkan sementara kita menunggu anak² negeri kita lepas daripada pelajaran kedokteran yang akan memakan masa beberapa tahun ka-hadapan, maka usaha² pengambilan doktor² dari luar ini hendak-lah di-jalankan dengan sa-berapa chepat dan pesat-nya, kerana kita tidak mahu masa yang lapang, atau masa yang kosong sementara menunggu doktor² kita sendiri itu keadaan kesihatan umum negara kita tidak dapat di-kawal. Saya menchadangkan bukan sahaja Kementerian ini merundingkan untuk mengambil doktor² daripada doktor² Republik Arab Bersatu, Filipina, Korea, India dan sa-bagainya sahaja, tetapi boleh juga kita timbangkan untuk mengambil doktor² seperti daripada Indonesia, Jerman, Russia atau negara² yang lain, kerana kita semua tahu sekarang ini banyak wakil² kita telah pergi ka-negeri² ini, maka boleh-lah kita masokkan sa-kali chadangan² pengambilan doktor ini dari negeri² yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar juga pada muka 305, Butiran (202) ia-itu Bidan² Kerajaan. Perkhidmatan Bidan ini apa yang saya ketahui ia-lah ada sa-tengah²-nya di-tempatkan di-kawasan² luar bandar, ia-itu di-hospital² dan di-klinik² Kerajaan. Di-kawasan luar bandar pula bidan² ini di-tempatkan di-klinik² bidan dan di-Pusat² Kesihatan Kechil. Apa yang saya hendak kemukakan di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah ada beberapa chara khidmat dan simpati yang patut diberikan kepada bidan² di-luar bandar ini, ia-itu bagaimana yang ada sekarang ini bidan² yang berkhidmat di-luar bandar sa-tengah²-nya sudah bersuami ada kebanyakan-nya maseh belum bersuami lagi, tegas-nya anak² dara lagi.

Perkhidmatan di-luar bandar ada lebih susah dan merbahaya daripada berkhidmat di-dalam bandar terutama sa-kali bidan² yang bujang ini. Sa-lain di-panggil di-tengah² malam dan pagi² hari, di-luar waktu berkhidmat, mereka juga terpaksa melalui jalan² yang merbahaya, merintas sungai, merintasi hutan² tebal untuk berkhidmat menyelamatkan nyawa ibu² dan anak² yang bersalin. Apa yang lebih menyedehkan lagi, Tuan Pengerusi, ada kadang² mereka itu bukan sahaja menghadapi kesusahan dan merbahaya, tetapi telah pula menghadapi anchaman² pahit yang dilakukan oleh mereka² yang tidak bertanggung-jawab kadang² bidan² ini dikatakan di-ugut dan di-paksa oleh orang² itu untuk melepaskan hawa nafsu yang jahat. Ada perkara berlaku rumah² bidan ini di-ketok di-tengah² malam oleh orang² nakal dan jahat dikatakan ada orang hendak bersalin, tetapi sampai di-tengah² jalan, mereka di-ugut dan di-paksa. Jikalau perkara ini hendak di-adukan, maka ia akan di-ugut sa-chara yang lain pula. Ini semua perkara² yang sangat merbahaya kepada bidan² di-kawasan luar bandar ini. Pendek kata sangat-lah jauh perbedzaan perkhidmatan bidan² di-dalam bandar dengan di-dalam kawasan luar bandar.

Untuk memberi simpati kepada khidmat bidan² di-luar bandar ini, saya

menchadangkan supaya Kerajaan menimbangkan untuk memberikan elaun khas tambahan kepada mereka² yang berkhidmat di-luar² bandar ini. Elaun tambahan ini, ia-lah kerana mereka berkhidmat di-tempat² yang susah dan merbahaya, atau pun Kementerian patut mengatorkan supaya di-ambil sa-besarnya boleh mereka² yang telah bersuami untuk berkhidmat di-kawasan² luar bandar.

Satu perkara lagi yang patut di-atorkan oleh Kementerian ini, ia-lah kadang² ada sa-tengah² bidan di-kawasan luar bandar tidak dapat menyambut ibu² bersalin, kerana dalam Hari² Kelepasan 'Am. Ini juga saya harap pehak Kementerian dapat mengadakan satu peratoran supaya orang² kampung dapat perkhidmatan yang baik daripada bidan² Kerajaan ini.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan muka 323, saya suka menyatakan satu kejadian telah berlaku di-kawasan saya ia-itu berkenaan dengan Pengangkutan. Saya suka menyatakan satu kejadian telah berlaku di-kawasan pemilehan saya ia-itu sabuah kereta ubat yang berkhidmat di-Lenga, Muar, telah rosak lebih kurang pada awal bulan Januari. Kemudian kereta ubat itu telah di-hantar di-Workshop J.K.R. untuk di-perbaiki. Untuk memperbaiki kereta ubat itu memakan masa sa-hingga dua tiga minggu dan sementara kereta ubat itu baik, kerja² perubatan tergendala.

Pada pendapat saya chara pentadbiran yang sa-rupa ini-lah yang patut kita ubah. Apa salah-nya di-buat satu peratoran supaya kereta² pengangkutan Kerajaan ini jikalau kereta² ini rosak dan pehak J.K.R. tidak dapat melayan memperbaiki kereta² ini dengan chepat dan segera, maka bolehlah di-hantar ka-workshop biasa, ia-itu private yang mana kerosakan² itu boleh di-perbaiki sa-lama dua jam sahaja.

Kadang² kereta² yang rosak daripada Muar di-hantar pula ka-workshop Johor Bahru untuk di-perbaiki. Ini juga memakan masa yang lama. Jadi dengan jalan ini, Tuan Pengerusi, perkhidmatan luar bandar bolehlah di-jalankan satiap masa tidak-lah menyusahkan orang² kampung kita di-luar bandar.

Ini semua sistem² lama yang maseh ada dan patut di-perbaiki dan saya harap sistem² ini dapat di-ubah dengan segera untuk memberi kemudahan² kepada penduduk² di-dalam kawasan luar bandar. Bagitu juga satu perkara dalam kawasan saya, ia-itu berkenaan dengan sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang telah pun bersara sa-hingga hari ini belum dapat di-isikan. Jadi saya harap pada Kementerian ini supaya dapat menimbangkan supaya tempat ini di-isikan dengan sa-berapa segera dan saya menyokong-lah peruntukan ini, terima kasih.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, di-dalam Rang Perbelanjaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan di-Rumah yang berbahagia ini (B. 29), terutama-nya sa-telah saya mendengarkan ucapan-nya yang panjang lebar daripada petang sa-malam sampai-lah ka-pagi ini, saya rasa kenalah pada tempat-nya kalau saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menceritakan dengan panjang lebar-nya perkembangan² yang telah di-chapai dan telah dapat di-majukan oleh Kementerian-nya sendiri di-dalam usaha² dan tenaga², ia-itu menyampaikan segala kesenangan, perubatan dan kesihatan kepada penduduk² di-seluruh Malaysia. Dengan itu saya sa-penohnya menyokong bagaimana yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu, tetapi di-samping itu juga saya berasa sudah-lah sa-wajar-nya saya memberi pandangan² yang sedikit di-atas sedikit perkara sahaja, kerana saya tahu mengingatkan peringatan yang telah di-beri oleh Dato' Pengerusi pada pagi tadi, ta' usah-lah mengambil masa yang panjang, dan saya teruskan-lah kepada isi²-nya sahaja dengan tidak merugikan masa.

Saya membawa perhatian kepada Rumah yang bertuah ini kepada kerja² yang di-selenggarakan oleh Kementerian Kesihatan untuk menchegeh penyakit Tibi di-antara beberapa penyakit² yang lain yang juga di-chegeh. Pada masa yang lalu saya dan juga Rumah yang berbahagia ini telah difahamkan, ia-itu peruntukan bagi menjalankan kerja² menchegeh pe-

nyakit Tibi, atau pun batok kering ialah berjumlah \$1,000,000 pada tiap² tahun. Dan pada tahun ini dengan bertukar-nya chara membuat peratoran ini tidak dapat-lah saya lihat di-mana tempat yang di-letakkan. Tetapi walau pun bagitu, saya rasa pada muka 314 dan 315 ada di-chatetkan, ia-itu belanja² yang di-kehendaki bagi menyelenggarakan gaji kaki-tangan mereka itu. Maka di-dalam usaha kita menjalankan kerja² menchegeh penyakit Tibi ini sa-bagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, bukan sahaja pehak Kementerian menjalankan, bahkan ada-lah juga Badan² Sukarela, ia-itu Persatuan Penchegeh Penyakit Batok Kering yang ada berchabangan di-tiap² Negeri juga bersama² menumpukan tenaga dan usaha, berganding bahu dengan Kementerian menchegeh penyakit ini. Dan saya dapati, ia-itu peruntukan bagi badan ini tidak ada di-sebutkan di-dalam belanjawan yang telah di-kemukakan, tetapi itu pun tidak menghairankan kerana ia mendapat peruntukan yang khas daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Dengan sebab itu tidak-lah saya hendak berpanjangkan apa² perkataan lagi, melainkan ia-itu berkenaan dengan Pemberian Khas di-dalam muka 324, ia-itu kerja² yang di-buat oleh badan² yang lain juga yang berchorak kesihatan dan juga kebajikan yang telah di-beri peruntukan sa-banyak \$100,000 pada tahun 1968 ini, maka pada perasaan saya peruntukan \$100,000 ini tidak-lah menchukupi, tetapi sa-telah kami di-beritahu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, keadaan kewangan negara di-masa ini tidak-lah pula menghairankan, tetapi sa-kira-nya boleh saya minta-lah Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan meminta balek daripada Rumah yang mulia ini peruntukan yang lebeh lagi pada masa yang akan datang.

Perkara yang ketiga, saya suka hendak menyentoh sedikit, ia-itu perkara yang telah pun di-sentoh oleh Parti Pembangkang tadi, ia-itu mendirikan Faculty of Dentistry (Pergigian). Saya berasa walau sa-kali pun perkara ini timbul daripada pehak Pembangkang,

tetapi perkara ini perkara benar, dan kalau di-ketawakan orang di-dalam Majlis itu, ia-itu Parti Perikatan menyokong Parti Pembangkang, saya berasa biar-lah saya kena ketawa, kerana kepentingan bagi kesihatan sa-saorang itu bergantung kepada kesihatan mulut dan gigi dan bagaimana yang telah di-katakan tadi banyak kekurangan-nya dalam perkara ini, kenapa kita tidak boleh mengadakan fakulti kita sendiri di-dalam universiti kita sendiri di-Kuala Lumpur, ia-itu di-Lembah Pantai, kenapa kita minta doktor² gigi kita daripada Singapura.

Jadi token vote yang di-katakan \$10 itu tadi ia-lah tanda mengingatkan sahaja, ia-itu perkara fakulti ini akan mesti di-hadapkan pada masa yang akan datang; itu-lah anggapan saya, tetapi saya menggesa supaya Kementerian Kesihatan akan mengambil tugas yang tegas supaya dapat kita mewujudkan satu Fakulti Pergigian di-dalam universiti kita sendiri. Dan di-samping itu juga saya mengambil perhatian kepada perdirian satu unit yang di-katakan Neurological Surgical Unit. Neurological Surgical Unit yang ada di-General Hospital Kuala Lumpur, ini memakan belanja \$2.5 juta pada sa-tahun, wal-hal-nya walau sa-kali pun perkara ini berguna daripada penyakit² otak dan orang yang mereng kepala atau tidak berapa betul centre, tetapi lebih baik kita mengadakan Fakulti Pergigian ini daripada mengirakan orang yang tidak berapa centre otak-nya itu.

Akhir sa-kali saya suka menyentuh perkara badan sukarela juga, ia-itu di-bawah muka 324—Pemberian Khas. Sa-bagaimana yang di-ketahui ia-itu pergerakan St. John ia-lah di-bawah Kementerian Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri sendiri ia-lah jadi Yang di-Pertua di-dalam Majlis St. John Council. Perkembangan di-dalam pergerakan ini telah pun di-chapai daripada masa yang telah kita menghadapi konfrantasi dahulu sampai-lah pada masa sekarang dan perkembangan kepada tiap² kampung, tetapi peruntokan-nya sa-banyak itu juga. Kami telah pun meminta ia-itu Kementerian akan dapat berusaha supaya dapat peruntokan ini di-lebihkan, tetapi malang-

nya pada tahun yang sudah pun tidak dapat, rasa²-nya kalau tahun ini minta macham meminta kepada siapa pun tidak tahu-lah, tetapi saya perchaya, ia-itu Yang Berhormat Menteri sendiri ada-lah sedar dengan sa-penoh²-nya di-atas keadaan yang ada sekarang di-dalam bidang kerja² St. John ini. Jadi dengan itu, Tuan Pengerusi, tidak ada-lah apa² lagi saya hendak mengatakan, saya menyokong dengan sa-penoh²-nya.

Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi yang di-hormati, sa-bagai merengskakan masa, saya ingin sampaikan dua perkara sahaja, ia-itu pertama, saya ingin sampaikan sungutan daripada perempuan² yang beranak di-Hospital² Kota Bharu di-atas perintah yang di-beri kepada mereka supaya mereka membuang kain baju mereka sa-waktu bersalin. Perintah yang di-beri oleh nurse² kepada perempuan yang beranak supaya mereka membuang langsung segala pakaian mereka sa-waktu bersalin ini sa-lain daripada menchon-tengkan maruah penghormatan peribadi sa-saorang, ia juga bertentang dengan ugama, di-samping itu menakut²kan perempuan² kampung untok datang beranak di-hospital. Jadi, kalau perintah membuang kain waktu bersalin ini satu daripada perintah pehak Kementerian, saya harap kalau boleh di-batalkan; lebeh² lagi saya dengar khabar bahawa hospital² di-negeri² lain seperti di-Pahang tidak ada perintah yang bagini, bahkan mereka itu telah mengadakan satu pakaian khas. Jadi, kalau boleh jangan-lah di-lakukan di-Hospital Kota Bharu itu.

Yang kedua, masalaah Bidan Kampong, saya lebih dahulu menguchap tahniah dan terima kaseh banyak pada pehak Kementerian, kerana Kementerian memberi kursus khas kepada Bidan² Kampong. Apa yang ingin saya sebutkan hari ini ia-itu sa-telah pehak Kementerian mengadakan perbelanjaan untok kursus² ini maka saya harap pehak Kementerian memandang bahawa Bidan² Kampong ini satu anggota masharakat yang terpenting di-kampung yang telah banyak membuat jasa kepada orang² kampung sejak zaman berzaman. Jadi, kalau Kementerian telah memberi

kursus pada mereka apa-lah salah-nya kalau Kementerian beri sedikit benda yang di-sebut sagu hati kepada mereka itu, kerana kita semua tahu bahawa bidan² ini telah tidak kurang tugas-nya, kerja-nya sa-bagaimana yang di-buat oleh Bidan² Kerajaan sa-kadar untuk tambang² mereka dan perkara² bersangkut paut dengan itu sahaja.

Sekian, terima kaseh.

Tuan Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap di-muka 322, Pechahan-kepala 5—Perkhidmatan Tabong Darah.

Tuan Pengerusi, wang yang telah di-untukkan bagi Perkhidmatan Tabong Darah bagi tahun ini ia-lah \$50,000 berbanding dengan \$51,600 bagi tahun 1967. Saya agak wang ini akan di-pergunakan untuk membeli pingat² yang akan di-hadiahkan kepada penderma² darah dan juga untuk membeli alat² di-Rumah² Sakit untuk kerja² memungut darah.

Jika sa-takat ini sahaja perkara² yang kena di-belanjakan itu maka wang sa-banyak \$50,000 ini sudah mencukupi, tetapi oleh sebab mus-tahak-nya darah untuk menyelamatkan nyawa manusia dengan jalan menam-bahkan balek darah kepada orang² yang kehilangan darah sa-telah men-dapat kemalangan, maka pada fikiran saya harus-lah peruntukan ini di-lebeh-kan supaya Tabong² Darah di-dalam mana² Hospital tidak berputusan. Pada masa ini tugas mengutip darah dari-pada penderma²-nya ada-lah di-serah-kan kepada Badan² Sukarela di-dalam tiap² buah Negeri.

Badan² ini di-daftarkan di-bawah Societies Ordinance yang terdiri dari orang² ramai dan ada sa-tengah²-nya di-bantu dengan menjadi Ex-Officio Member oleh Pegawai² Perubatan di-dalam Negeri. Sa-tengah² Persatuan² ini berjalan dengan maju-nya dan yang demikian Tabong Darah di-dalam Hospital mereka itu sentiasa penoh. Tetapi ada persatuan² yang berjalan lemah sedikit dan kurang maju dan di-sini-lah merbahaya-nya oleh kerana jika di-dalam mana² tempat itu telah pun terjadi satu

kemalangan dan di-kehendaki darah dengan serta-merta, maka barangkali satu nyawa manusia akan terkurban.

Lazim-nya apabila ketiadaan darah itu berlaku di-dalam mana² hospital maka pegawai²-nya akan meminta tolong pada Pegawai² Police atau pun daripada Tentera untuk mendermakan darah daripada orang² yang bekerja di-dalam Polis atau pun menjadi Tentera itu supaya orang itu dengan serta-merta-nya datang ka-hospital dan mendermakan darah mereka itu. Kita tentu-lah berhutang budi kepada orang² Polis dan Tentera² kerana sanggup memberi pengorbanan ini.

Ada satu kali di-salah satu hospital ketiadaan darah di-hospital itu telah pun berlaku, maka Pegawai Hospital itu telah pun membuat perhubungan dengan satu Pusat Latehan Guru² untuk salah sa-orang daripada penun-tut² di-sekolah itu dengan serta-merta pergi ka-hospital dan memberi darah-nya. Berkenaan pula pada masa itu penuntut yang hendak mendermakan darah itu tiada dapat pergi dengan serta-merta dengan kerana tiada ada kereta Van Hospital pada masa itu ada di-gunakan di-tempat lain, dan ter-paksa-lah pula penuntut itu menumpang sa-buah kereta kawan-nya pergi ka-hospital.

Sudah tentu, Tuan Pengerusi, ke-adaan ini ada-lah keadaan kechemasan dan masa yang berguna pula telah pun hilang. Nyawa yang hendak di-selamatkan itu berkehendakan darah dengan sa-chepat mungkin. Ada kala-nya Pegawai² Hospital itu meminta kepada sanak saudara orang² yang hendak di-tambahkan darah itu supaya salah sa-orang daripada mereka itu sa-bagai satu syarat untuk memberi darah kepada orang yang sakit itu meng-gantikan balek darah yang di-per-gunakan itu.

Sanak saudara si-sakit itu di-beri faham jika tidak di-gantikan darah yang akan di-pakai itu, maka darah dari Tabong tidak boleh di-berikan pada si-sakit. Perbuatan ini sa-benar²-nya gertak sahaja, kerana itu ada-lah menjadi satu helah untuk mendapatkan balek darah untuk Tabong Darah di-Hospital yang berkenaan itu.

Memandang kepada keadaan yang tidak puas hati ini, maka patut-lah Kementerian mengambil segala tindakan untuk melariskan hal ini. Sebagaimana satu usaha untuk ini Persatuan Derma Darah, Kedah, telah pun meminta supaya Kementerian Kesihatan mengadakan satu Badan Pusat untuk menyamakan dan menyatukan pentadbiran memungut darah dan pemberian² hadiah² dan pingat² dan mengeluarkan risalah² merayu kepada orang ramai untuk mereka tampil ka-hadapan memberi darah mereka.

Kerajaan tidak boleh berharap kepada kerja² sukarela sahaja. Bantuan wang hendak-lah di-berikan kepada Persatuan² Derma Darah di-dalam negeri² itu. Pada masa ini sahaja saya bantuan wang tidak-lah di-beri kepada Persatuan² itu. Sa-baleknya kepada Badan² Penchegah Batok Kering, Kerajaan telah pun memberi bantuan wang. Kerja² Persatuan Penderma Darah tidak kurang mustahak-nya dari kerja² Persatuan Batok Kering atau pun Cancor. Orang² yang sakit batok kering, atau cancer, jika tidak dapat rawatan akan mengambil masa hendak mati kadang² bertahun², tetapi orang yang kemalangan, jika tidak dapat darah akan mati di-dalam sa-kejap masa sahaja. Kemalangan² kereta di-jalan² raya sedang bertambah² pula sa-tahun demi sa-tahun.

Satu masa Kementerian Kesihatan telah menimbang sama ada kerja memungut darah ini boleh di-serahkan kepada Red Cross, tetapi tidak ada apa² keputusan yang mu'tamad yang di-ambil di-dalam hal ini.

Kementerian Kesihatan telah pun nampak-nya bersetuju di-atas chadangan mengadakan satu Badan Pusat untuk memungut darah seperti yang telah pun di-minta oleh Persatuan Derma Darah, Kedah, lebeh kurang dua tahun dahulu. Jika perkara ini betul harap-lah Kementerian mengambil tindakan dengan segera muga² bekalan² darah dapat di-selenggarakan dengan lebeh elok untuk menyelamatkan nyawa orang² yang tidak patut sampai ajal-nya.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam beberapa perkara dengan serba ringkas dalam Kepala Bekalan 29, dalam muka 322 Pechahan-kepala 4—Perkhidmatan Menchegah Malaria. Pada butiran kechil ini ada butir di-sini, ia-itu (1) Langkah² Mengawal di-Malaysia Barat. Jadi perkara² Perkhidmatan Menchegah Malaria yang terutama sa-kali patut di-beri perhatian kepada tempat² di-cherok² rantau yang perjalanan, atau pun perhubungan dengan Pusat² Kesihatan, atau pun Hospital² dalam Jajahan itu sangat susah seperti di-Ulu Kelantan, maka patut-lah pehak Kementerian mengambil berat dalam Perkhidmatan Menchegah Malaria. Dan saya suka juga meminta perhatian Kementerian berkenaan berthabit dengan langkah² mengawal di-dalam Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah, sebab-nya dalam peruntukan di-sini chuma ada butiran kechil, ada tersebut Langkah² Mengawal di-dalam Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, tetapi dukachita di-Kelantan tidak ada ranchangan samacham itu, maka saya berharap-lah juga dapat langkah² mengawal dalam Ranchangan Kemajuan Tanah Negeri, seperti kita ada di-Ulu Kelantan beberapa ranchangan tanah yang jarang kali dapat kawalan² seperti itu.

Pada muka 323, Pechahan-kepala 22—Perkhidmatan Kesihatan Umum, saya suka juga menarek perhatian Kementerian di-sini, kerana peruntukan pada tahun ini sa-rupa juga dengan peruntukan tahun 1967. Dan saya suka-lah memberi sedikit pandangan supaya perkara ini dapat perubahan dan dapat menjalankan kawalan ke-chemasan wabak penyakit. Selalu-nya wabak penyakit ini terjadi pada cherok² kampung, atau pun tempat² di-ulu² sungai yang perjalanan-nya susah tidak dapat perhatian perubatan, maka saya suka-lah menchadangkan supaya Kementerian ini menghantar pegawai² yang kanan untuk menyiasat sa-kurang²nya sa-bulan sa-kali pada tempat² yang di-katakan tidak dapat layanan perubatan ini kerana saya dapati kebanyakan tempat² yang jauh

di-sini seperti di-Ulu Kelantan tidak dapat layanan yang sempurna kerana kekurangan motor² bot kesihatan di-sa-tengah² tempat itu terpaksa Pembantu Rumah Sakit itu menyewa motor² bot orang ramai, kerana kegunaan itu. Jadi saya harap tidak berlaku lagi supaya pihak Kementerian mengadakan motor bot Pejabat Kesihatan-nya sendiri.

Dan dalam Pechahan-kecil (2) Pelajaran Kesihatan Umum. Jadi patut juga-lah pihak Kementerian mengadakan banyak kursus di-Jajahan, kerana kebanyakan penduduk² di-Jajahan ini kekurangan serba-serbi-nya, maka dengan ada-nya kursus² ini maka dapat-lah menolong mereka itu dalam kesihatan. Kita boleh juga menunjukan kursus² yang praktikal seperti mengadakan workshop² Jamban Siam atau pun Jamban Jitra yang satu daripada ranchangan ini yang boleh menolong orang² kampung menggunakan jamban dengan cara yang tertentu mengikut kesihatan dan dapat juga kita menyebarkan segala penerangan² kesihatan kepada penduduk² yang serba kekurangan.

Dan pada muka 324, Pechahan-kepala 44—Motor bot dan Injin yang peruntukan sa-banyak \$50,580. Jadi suka-lah saya menarik perhatian Kementerian ini supaya dapat membeli, atau pun membekalkan banyak motor² bot dan injin pada tempat yang tidak dapat perhubungan, tidak dapat berjalan ikut darat atau pun jalan² lain supaya mengadakan motor² bot ini seperti di-Ulu Kelantan, di-Sungai Nenggeri, chuma motor bot ini di-sewa kepada orang ramai sahaja, dan saya berasa malu-lah kerana Kementerian ini tidak dapat mengadakan motor bot sendiri. Dan juga pada Pechahan-kepala 46—Kereta² Motor. Ini pun patut juga Kementerian mengadakan kereta motor untuk ranchangan bergerak perubatan ikut darat, sebab sa-tahu saya, chuma ada rawatan perubatan bergerak ikut sungai sahaja.

Jadi patut di-adakan juga mobile untuk darat. Dan pada muka 324, Pechahan-kepala 50—Kelengkapan Wad dan Rumah Sakit. Jadi di-sini dukachita-lah kerana saya dapati pada

masa rombongan Pegawai² Perubatan Jepun ka-Ulu Kelantan pada tahun lalu, kami penduduk di-Kuala Krai ucapkan banyak terima kasih kepada rombongan itu, kita dapat terima perkhidmatan perubatan yang baik, layanan perubatan yang memuaskan dan juga segala barang² dan kelengkapan perubatan yang di-hantar bersama ka-Hospital Kuala Krai pun dapat kita gunakan pada masa ini, tetapi dukachita-nya kerana sa-tengah² daripada barang yang di-hantar oleh Kerajaan Jepun melalui rombongan itu telah di-tarik balek ka-Hospital Kota Bharu dan saya merayu-lah kepada pihak Kementerian supaya barang² yang boleh di-gunakan di-Kuala Krai di-hantar balek ka-Hospital Kuala Krai kerana di-Kelantan chuma ada dua buah hospital sahaja, tetapi di-beri layanan istimewa bagi Kota Bharu sahaja, kerana saya rasa di-Ulu Kelantan pun patut di-beri sama taraf, dan di-beri segala layanan yang sama kepada hospital ini. Barang² yang di-tarik balek itu boleh-lah saya sebutkan di-sini supaya boleh dapat di-kembalikan ka-Hospital Kuala Krai, ia-itu barang² yang sangat perlu ia-lah microscope, yang di-hantar oleh Kerajaan Jepun itu ia-lah microscope yang paling baik, yang bagus, perbuatan Olympus yang sangat memberi banyak faedah kepada kita, kerana menolong pegawai di-situ bekerja dengan cepat dapat kita membuat blood test dengan segera, maka ini-lah kita berkehendakan microscope itu balek. Yang kedua, centrifuge, yang ketiga, copper distiller yang keempat, Japanese Water Pump yang saya tahu dua tiga perkara ini di-bawa ka-Kota Bharu dan di-simpan dalam store sahaja.

Jadi saya harap dapat di-kembalikan semula. Saya suka juga memberi tahu kepada Kementerian yang berkenaan, di-Kuala Krai pakaian kanak² dalam wad itu tidak di-beri. Kebanyakan kanak² memakai pakaian yang kotor daripada kampung-nya, maka perkara ini telah di-ketengahkan, di-rayukan oleh pihak Lembaga Pelawat Hospital, tetapi tidak juga di-sempurnakan. Dan pada akhir-nya saya suka berchakap berkenaan dengan perbelanjaan untuk benchana banjir. Ini pun perkara

mustahak, kerana di-Ulu Kelantan itu sentiasa mengalami bencana banjir dan saya dapat baharu² ini klinik kesihatan Kuala Krai telah tenggelam dan barang² yang rosak, sampai hari ini belum di-ganti balek. Jadi ini perkara sangat mustahak, segala perkara² yang rosak di-musnahkan oleh banjir, patut di-ganti dengan segera supaya dapat kita memberi layanan perubatan yang baik kepada penduduk² di-seluruh Ulu Kelantan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Meshuarat ini di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Meshuarat di-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala B. 29—

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Sebe-rang Utara): Dato' Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam membahathkan Perbekalan bagi Kementerian Kesihatan ini. Yang pertama, Dato' Pengerusi, saya ingin berchakap mengenai apa yang telah pun di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu. Ahli Yang Berhormat itu minta kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya merekomenkan untuk membolehkan Pegawai² Tinggi Kementerian-nya mendapat sagu hati sa-bagaimana yang telah pun di-beri kepada Yang Berhormat Bekas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kata-nya patut di-rekomenkan, kerana mereka sa-tengah-nya telah berkhidmat sa-hingga 36 tahun dengan tidak mendapat apa² yang patut di-beri. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Batu itu tidak bagitu faham berkenaan dengan Per-

atoran Perkhidmatan. Kaki-tangan Kerajaan memang sudah ada dalam Peratoran Perkhidmatan-nya yang membolehkan mereka itu menerima penchen. Jikalau sa-saorang itu berkhidmat sa-lama 36 tahun, saya perchaya dia akan mendapat sagu hati hampir² \$30,000. Bagi kaki-tangan Kerajaan yang tinggi, ia-itu Tingkatan I dan juga mereka akan dapat penchen tiap² bulan. Bagi Ahli² Juma'ah Menteri pula tidak ada bayaran penchen. Jadi, saya harap-lah apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu tidak-lah patut di-kemukakan dalam Dewan ini.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya telah pun membawa perkara ini pada kali yang dahulu mengenai satu ranchangan yang patut di-jalankan, atau di-laksanakan oleh kerana Kementerian kita ada beberapa banyak ranchangan², tetapi oleh kerana tidak ada chukup wang, maka sa-tengah² daripada ranchangan yang di-fikirkan tidak mustahak terpaksa di-tinggalkan. Saya mengshorkan patut-lah Kementerian ini mengkaji dan membuat satu laporan mengenai kemungkinan melaksanakan satu dasar baharu, ia-itu Ranchangan Insurance Kesihatan Kebangsaan, atau pun dalam bahasa Inggeris National Health Insurance Scheme. Ini, sa-bagaimana di-laksanakan di-negara² yang maju nampak-nya sangat berfaedah kepada ra'ayat sakalian. Oleh yang demikian saya berharap-lah kepada Kementerian ini supaya mengkaji sama ada boleh di-laksanakan, kalau tidak boleh di-laksanakan dengan sa-penoh-nya, patut di-tumpukan buat pertama kali-nya di-kawasan² dalam bandar dahulu. Dan dapat-lah doktor² yang bersendirian berkhidmat terhadap negara ini mengubat orang² yang masok menjadi ahli dalam insurance ini dan di-kenakan bayaran kepada orang² yang mendaftarkan diri-nya juga termasuk keluarga-nya sa-tahun sa-takat mana yang patut dan yang menasabah yang boleh, kesanggupan bagi orang² yang ingin mendapat perubatan ini. Jikalau kita mulakan pada masa sekarang, mudah²an manakala dari sa-masa ka-samasa dapat kita memperluaskan lagi.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya dengan jasa baik-nya meminta kebenaran daripada Kementerian Kewangan supaya mengechualikan bayaran chukai terhadap ubat² yang masuk ka-dalam negara kita ini yang di-beri hadiah perchuma oleh Badan² Perkhidmatan Antarabangsa. Saya dapat tahu ubat² yang di-beri perchuma untuk kemudahan Badan² Sukarela yang mereka ini bekerja untuk faedah ramai dan kena bayar 2% daripada harga ubat itu. Oleh kerana ubat yang di-berikan ini bukanlah untuk perniagaan, maka sangat-lah patut di-minta supaya di-kechualikan bayaran chukai di-atas perkara ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, mengenai pengambilan kaki-tangan baharu. Saya lihat banyak jawatan² yang kosong dan yang akan di-isikan di-dalam tahun ini; mengenai jawatan doktor, jawatan pembantu rumah sakit, jururawat, penolong jururawat dan lain². Saya berharap Jawatan-kuasa Pemilih supaya memberi peluang lebeh kepada anak² bumiputra yang mana pada masa sekarang ini saya dapati kalau kita masuk ka-rumah² sakit, kita dapati sangat kurang anak² bumiputra yang berkhidmat di-Kementerian ini. Jika boleh, saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri dan juga Jawatan-kuasa Pemilih memberi keistimewaan memilih orang² yang berkelayakan daripada bumiputra supaya dapat mereka ini berkhidmat di-luar bandar khas-nya, sebab mereka ini faham dan tahu adat-istiadat orang² yang di-luar bandar.

Tuan Pengerusi, mengenai perhubungan di-antara pegawai² Kementerian dengan orang ramai. Beberapa rancangan telah pun di-laksanakan ia-itu di-adakan Minggu Perpaduan dan lain² lagi. Saya mengshorkan supaya untuk merapatkan lagi orang ramai dengan kaki-tangan Kementerian Kesihatan dan Perubatan, tiap² pegawai yang bertugas di-rumah² sakit dan juga di-pusat² kesihatan daripada peringkat penolong jururawat sa-hingga ka-atas memakai satu kad nama di-pakaian-nya. Jadi, dengan chara yang samacham ini dapat-lah orang ramai

tahu siapa-kah yang hendak menolong kepada-nya dan tidak payah-lah mereka bertanya siapa awak dan siapa nama, jadi manakala sa-orang itu datang dia lihat nama-nya di-poket-nya, boleh-lah Che' Puan-kah, atau doktor-kah, dengan ini akan merapatkan lagi pengenalan di-antara orang ramai dan juga Kementerian.

Lagi satu perkara mengenai pertukaran pegawai² dan kaki-tangan perubatan dan kesihatan. Ini pun saya harap Yang Berhormat Menteri akan kaji dengan halus sa-belum memutuskan hendak menukarkan sa-saorang kaki-tangan Kementerian-nya. Saya dapat tahu ada beberapa orang daripada jururawat yang berkhidmat di-satu tempat dan di-perentahkan kena tukar daripada tempat itu ka-tempat lain dan berpisah-lah ia daripada suami-nya. Ini ada-lah satu perkara yang tidak patut di-buat, oleh kerana memisahkan suami dan anak-nya daripada ibu-nya. Oleh itu saya berharap pihak Kementerian sa-belum memutuskan hendak menukar sa-saorang kaki-tangan perempuan yang bersuami, patut-lah memikirkan lebeh dalam supaya mereka ini jangan di-tukar, kalau hendak di-tukar pun berikhtiar-lah supaya tukar kedua² orang sa-kali ka-tempat lain, tetapi agak susah sadikit, sebab sa-orang berkhidmat sa-bagai guru di-bawah Kementerian lain dan sa-orang lagi berkhidmat sa-bagai jururawat mithal-nya di-bawah Kementerian lain. Jadi, saya harap dapat di-kaji di-atas perkara ini, sebab saya dapat beberapa rungutan daripada jururawat² yang telah pun bersuami.

Sekarang saya sentoh pada muka surat 199—Pegawai Perubatan, Butiran (64). Masaalah Pegawai Perubatan ini sudah pun lama berkurangan. Nampak-nya dalam peruntukan ini ada tambahan sa-banyak 40 orang dan maseh lagi berkurangan kerana ada di-antara Pegawai² Perubatan ini berhenti kerja kerana tidak puas hati di-atas peratoran perkhidmatan mereka itu. Ini satu perkara sangat di-kehendaki oleh Kementerian ini bagi mengkaji sebab apa mereka ini berhenti. Saya sangat hairan ada sa-orang doktor yang chukup bekerja keras sa-bagaimana

bahasa Inggeris kata sa-orang dedicated doctor di-Butterworth Hospital. Dia terpaksa berhenti daripada kerja dan berkhidmat sa-bagai sa-orang doktor private, sebab dia berasa tersinggong, atau pun terhampa hati-nya, maka dia berhenti. Saya harap Kementerian akan memikirkan dengan halus-nya sa-belum memutuskan menerima pemberhentian sa-saorang doktor itu. Kalau boleh di-beri layanan yang berpatutan, patutlah di-beri layanan, jangan-lah sahingga mereka ini putus asa dan terpaksa mengambil satu tindakan berhenti daripada Kerajaan.

Sekarang saya pindah kapada Butiran (75). Di-sini ada Doktor Pelateh (House Doctors) telah pun naik daripada 120 kapada 130, ma'ana-nya tambah 20 orang lagi. Kita lihat sabagaimana di-laporkan oleh Yang Berhormat Menteri sekarang doktor² yang sedang berlateh sa-banyak 120 orang yang akan keluar tidak lama lagi. Jadi, ini ada-lah satu perkara yang menggalakkan dan di-harap banyak lagi bakal² yang hendak menjadi doktor dapat di-lateh supaya dapat kita isikan jawatan² yang kosong itu.

Di-Butiran (92) ia-lah mengenai Ketua Jururawat dan Butiran (108) Jururawat dan Butiran (109) Jururawat Pelateh. Tuan Pengerusi, pada pendapat saya Ketua Jururawat yang bertambah dalam anggaran ini juga jawatan² jururawat pun bertambah. Pada pendapat saya patutlah di-kaji dengan halus-nya sama ada patut di-tambah jawatan² ini, kerana jika kita lihat perkhidmatan mereka itu di-rumah² sakit, kechuali Ketua Jururawat dan Jururawat yang berkhidmat dipusat² kesihatan. Ini saya sendiri berpendapat mereka bekerja sunggoh², tetapi nampak-nya jawatan Ketua Jururawat dan Jururawat yang berkhidmat di-rumah² sakit ini kata bahasa Inggeris top heavy, terlampau tinggi, lebeh daripada yang berpatutan, kerana jika kita lihat kerja² mereka itu satu wad rumah sakit ada sa-orang Ketua Jururawat yang orang sakit-nya ada sa-ramai 50 orang, ada jururawat sa-hingga 4 atau 5 orang, ada penolong jururawat sa-hingga 6 hingga 7 orang. Jadi, saya harap dapat

di-kaji dengan halus-nya supaya dibahagikan jawatan² itu berpatutan dengan kerja yang mereka sanggup menjalankan, kerana saya sendiri pun sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang telah berkhidmat di-Rumah Sakit Besar (General Hospital) pada masa dahulu di-sana chuma kita ada 4 Ketua Jururawat dan mempunyai katil hampir² 1,000 buah katil. Tetapi kalau kita lihat pada masa sekarang ini tiap² wad ada sa-orang Ketua Jururawat. Jadi, ada-kah patut kita teruskan lagi chara yang sa-macam ini. Saya mengshorkan supaya menaikkan pangkat kapada Ketua Jururawat dan juga pengambilan Jururawat hendaklah di-berhentikan, dan kita tambahkan pengambilan Penolong Jururawat, kerana kalau kita masuk dalam satu² wad, kalau kita tanya sa-orang Penolong Jururawat. Penolong Jururawat ini-lah bekerja sa-bagai Jururawat, dan Jururawat masuk ka-rumah sakit di-wad-nya pagi² terima report, bacha report dan tulis report dan menjadi pengelola—itu sahaja, sa-hingga sa-tengah² mereka itu tidak mahu beri injection (suntik) pun Penolong Jururawat kena beri. Kalau bidan tidak ada, mereka itu telah lulus dalam perbidanan ditunggu sa-hingga bidan datang, mereka tidak menghiraukan, tidak hendak melayankan orang² yang sakit tenat hendak beranak mithal-nya. Jadi, tidak mustahak kita ada begitu banyak orang, lebeh baik kita tambahkan Penolong Jururawat yang bekerja dengan sunggoh²-nya dan mudahan² mereka ini dapat di-beri peluang untuk naik pangkat mereka itu daripada Penolong Jururawat kapada Jururawat dan juga kapada Ketua Jururawat. Dan pengambilan Penolong Jururawat ini bolehlah kita ambil orang² yang berkelayakan dan di-antara mereka ada yang berkehendakkan kemajuan untuk diri mereka itu. Mereka dapatlah melayakkan diri masing² untuk menjawab jawatan Jururawat kira-nya mereka itu di-beri peluang, dan tidak payahlah kita ambil Jururawat Pelateh yang baharu, biarlah kita beri peluang kapada Penolong Jururawat untuk meningkat jawatan Jururawat pada masa hadapan. Ini akan memberi satu peluang yang chemerlang bagi

Penolong² Jururawat kita yang akan berkhidmat dengan baik-nya kepada negara kita ini.

Butiran (97)—Pembantu Rumah Sakit. Di-sini saya lihat ada 803 orang dan yang pelateh-nya ada 380 orang dan saya berharap jawatan Pembantu Rumah Sakit ini dapat di-tambahkan lebeh daripada apa yang di-tetapkan di-sini, kerana sa-bagaimana yang kita tahu perkhidmatan mereka ini ada-lah perkhidmatan yang penting juga dan mereka menjadi sa-bagai doktor atau pengganti doktor di-Pusat² Kesihatan di-luar bandar, kerana saya dapat tahu pada masa sekarang ini, kita tidak menchukupi doktor, maka doktor yang melawat di-Pusat² Kesihatan saminggu sa-kali dan dalam masa 5 hari, atau 6 hari mereka-lah yang memberi ubat dan mengubati orang² yang sakit yang datang kepada mereka itu, dan perkhidmatan ini patut-lah di-tambahkan lagi dan saya lihat ada pengambilan jawatan penyambut, ada pembantu² rumah sakit juga jururawat yang berkhidmat sa-bagai penyambut di-rumah² sakit besar dan juga rumah² sakit kecil, patut mereka ini di-bawa pergi ka-tempat yang penting yang boleh mereka itu berkhidmat sa-bagai jururawat atau sa-bagai pembantu rumah sakit dan di-gantikan tempat mereka ini oleh penyambut² kerana penyambut ini sa-bagai receptionist kita kata tidak-lah begitu mustahak mengadakan sa-orang yang terlateh dalam bahagian pembantu rumah sakit atau pun terlateh dalam jururawat bagi menggantikan mereka ini supaya dapat kita pindahkan mereka ka-tempat² yang kita fikir mustahak.

Muka 323, Pechahan-kepala 22—Perkhidmatan Kesihatan Umum yang di-untokkan sa-banyak \$531,000 tidak ada tambahan. Jadi, saya sangat² mengharap supaya perkhidmatan ini dapat di-perluaskan lagi dan jika perlu di-tambahkan wang, kerana perkhidmatan ini sangat² mustahak dia memberi pelajaran, atau pun health education kepada orang² kampung, orang² luar bandar yang sangat² penting, yang sangat perlu di-beri kepada mereka itu, dan patut-lah sangat di-perluaskan lagi dan di-banyakkan peruntokan kepada bahagian ini.

Dan saya berharap jika wang tidak cukup Yang Berhormat Menteri boleh-lah menchadangkan supaya tiap² negeri dapat memberi peruntokan tambahan bagi kawasan sa-luas² Negeri itu dan juga bagi Majlis². Kerajaan Tempatan yang sama berat tanggungjawab-nya di-atas perkara ini, patut mereka itu membayar sa-bahagian daripada wang untuk memberi perkhidmatan kesihatan umum ini kepada penduduk² dalam kawasan masing². Ini dapat di-besarkan lagi dan kema-juan akan terchapai lagi pada masa hadapan.

Pechahan-kepala 32, muka surat 324, ini ia-lah mengenai Perbelanjaan Rumah Sakit Latehan, Universiti Malaya sa-banyak \$7,750,000. Ini adalah satu peruntokan yang cukup besar yang saya dapat tahu daripada Yang Berhormat manakala Yang Berhormat bentangkan perbelanjaan ini sa-banyak 120 orang di-terima tiap² tahun. Jadi perbelanjaan ini sangat-lah besar dan saya berharap supaya Latehan Universiti Malaya ini dapat di-tambahkan beberapa faculty lagi yang mustahak dan saya shorkan, ia-itu satu Faculty Ahli Kimia supaya mereka ini boleh menjadi Pharmaceutical Chemist yang sangat² kurang dalam negara kita ini, kerana kita dapat tahu doktor² private kita ini yang menjalankan kerja sa-bagai doktor private di-dalam Malaysia ini tidak mengadakan Pharmaceutical Chemist sendiri, mereka-lah juga yang menggantikan jawatan Pharmaceutical Chemist wal-hal mereka ini tidak berkelulusan. Ini ada-lah berlawan dengan Undang², berlawanan dengan medical ethics yang saya harap Kementerian ini akan menchegeh, mengambil perhatian yang berat di-atas perkara ini, sa-orang doktor dia tiada kelulusan dalam Pharmaceutical Chemist dan di-benarkan mereka ini dispense atau membanchoh ubat². Saya lihat di-negara² lain, doktor boleh tulis prescription sahaja, dia tidak boleh dispense; orang sakit kena pergi kepada Pharmaceutical Chemist untuk mendapatkan ubat². Jadi, jika Kerajaan tidak menggalakkan, pengambilan, atau pun memberi peluang untuk penuntut² kita menuntut dalam bahagian ini, maka kita berkekurangan sangat Pharmaceutical Chemist dan

saya berharap Yang Berhormat Menteri akan kaji di-atas perkara ini tambahkan satu faculty yang sangat mustahak dan memberi peluang kepada penuntut² kita yang berkelulusan dalam ilmu sains supaya dapat mereka berlatih dan menjadi sa-orang Pharmaceutical Chemist yang kita katakan dapat chukup pengetahuan pelajaran bagi kepentingan negara kita ini.

Pechahan-kepala 35—Pemberian kepada Persatuan St. John Ambulance dan Pechahan-kepala 36—Pemberian kepada Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa. Sa-bagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kuala Kangsar, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya tambahkan lagi peruntukan ini, kerana barangkali di-dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri pasokan² ini bekerja dengan sukarela yang chukup berfaedah kepada negara kita ini. Ada di-tempat² di-mana ada pertubuhan ini, mereka pergi berkhidmat di-rumah² sakit kechil di-pusat² kesihatan bagi menolong Kerajaan atau pun kaki-tangan Kerajaan di-atas perkara melayan orang² sakit, dan sakra-nya di-tambahkan peruntukan, maka dapat-lah di-perbesarkan lagi dua² badan sukarela ini dan dapat mereka menolong kekurangan kaki-tangan Kerajaan di-mana yang kurang itu dapat mereka isikan dengan membaiki lagi perkhidmatan kesihatan dan perubatan di-luar bandar, dan juga boleh di-berikan elaun sedikit sahaja kepada ahli² St. John Ambulan juga Pasokan Palang Merah supaya menggalakkan mereka ini bekerja di-rumah² sakit dan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri sa-boleh²-nya manakala hendak mengambil kaki-tangan yang baharu, ia-itu Penolong Jururawat, atau pun Jururawat mesti-lah di-beri keutamaan kepada ahli² St. John Ambulan juga ahli² Pasokan Palang Merah, kerana mereka ini terlatah dalam bahagian pertolongan chemas yang mana telah lulus dalam bahagian pertolongan chemas di-ambil daripada orang² ini berkhidmat yang di-dapati chukup kelayakan mereka itu. Dengan ini dapat kita menggalakkan lagi pertubuhan sukarela ini dan banyak lagi belia² kita dalam negara kita ini akan masuk berkhidmat di-dalam

Pasokan Pertolongan Chemas ini supaya boleh-lah mereka menolong kepada orang² yang di-luar bandar. Jika tidak ada harapan kepada mereka ini pada masa hadapan, mereka tidak-lah bagitu tertarek hati, tetapi jikalau Yang Berhormat Menteri sendiri membuat satu dasar pengambilan Penolong² Jururawat atau pun Jururawat² hanya di-pileh daripada ahli² Pasokan St. John atau Red Cross, atau pun Palang Merah, saya perchaya perkembangan perkhidmatan sukarela ini akan lebih luas lagi.

Pechahan-kepala 37—Pemberian kepada Rumah Sakit Tibi Lady Templar \$500,000. Tuan Pengerusi, pada pendapat saya pemberian sa-banyak \$500,000 ini patut-lah di-berhentikan tidak mustahak lagi di-beri kepada Rumah Sakit Lady Templar ini, kerana dia ada-lah sa-bagaimana saya dapat tahu satu Rumah Sakit Private dan siapa juga yang hendak masuk ka-Rumah Sakit ini di-kenakan bayaran, bayaran pula bukan murah, bayaran yang tinggi kelas satu sa-hingga \$500 ada juga mereka memberi pertolongan sedikit² sahaja kepada orang yang tidak mampu, tetapi pada pandangan saya kutipan wang oleh Hospital Lady Templar ini chukup menjalankan segala urusan pentadbiran-nya, tidak payah lagi Kerajaan memberi sa-tahun sa-banyak \$500,000 dan \$500,000 ini dapat kita gunakan untuk keperluan yang lebih mustahak lagi kepada yang lain² lagi.

Pechahan-kepala 61—Belanja Melatahkan Jururawat di-United Kingdom dan Australia. Saya pun berasa terkejut manakala saya melihat di-sini ada lagi peruntukan belanja melatah jururawat di-United Kingdom dan Australia sa-banyak \$140,000. Ini pun tidak patut di-masokkan ka-dalam ini, sebab di-Malaysia ini ada beberapa Sekolah Latehan Jururawat, ada di-Pulau Pinang, ada di-Kuala Lumpur, ada di-Johor Bharu—yang saya tahu tiga Sekolah Latehan Jururawat, saya ingat tidak patut lagi kita hantar pelatah² kita di-United Kingdom. Apa yang mustahak-nya hendak di-hantar mereka itu ka-United Kingdom dan Australia. Saya harap pada tahun hadapan Yang Berhormat Menteri ini tidak payah

buboh peruntukan ini, sebab kita sendiri dapat melatehkan Pelateh² Jururawat lebeh baik lagi daripada yang di-lateh di-luar negeri.

Pechahan-kepala 64 ia-lah mengenai Perbelanjaan Pegawai Perubatan Sam-bilan. Ini ada tambahan dan saya sokong-lah supaya dapat di-tambahkan lagi. Ini akan memberi peluang kepada doktor² yang bersendirian supaya mereka dapat berkhidmat sa-hari sa-jam-kah, atau dua jam-kah di-Rumah Sakit sa-chara bergilir², kerana pada masa sekarang ini, sebab kekurangan doktor² sangat² perlu di-dapati per-khidmatan daripada doktor² sambilan. Saya dapat tahu daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu ia-itu Persatuan Medical Association sedia hendak ber-khidmat konon-nya. Saya berharap-lah supaya doktor² yang bersendirian ini bersemangat tanggung-jawab kepada negara dan mereka tampil ka-hadapan untok berkhidmat sa-bagai sa-orang doktor di-Rumah² Sakit yang terlampau banyak orang² sakit. Di-Butterworth sa-hari di-antara 500 orang sa-hingga 600 orang yang datang meng-ambil ubat dan pulang. Jadi chuma kita ada dua orang sahaja doktor dan yang sa-orang melawat pagi² di-dalam ward sampai ka-tempat bilek membuat pekerjaan pukul 10 atau pukul 11.00 dan urusan pentadbiran pun hendak di-jalankan juga. Jadi sangat²-lah mustahak di-tambahkan sa-orang doktor lagi, saya telah pun berchakap kepada Yang Berhormat Menteri dan beliau chuma mengaku sahaja, tetapi sa-hingga hari ini belum lagi dapat, kerana di-sana sangat² mustahak di-tambah, jikalau boleh, dapat-lah doktor sambilan pun jadi-lah untok menampung kekurangan doktor yang sangat² mustahak itu.

Sekian-lah sahaja. Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, first of all, I would like to thank you for giving me this chance to speak after nine days in this debate. Sir, we may fortuitously, whilst discussing the estimates for the Ministry of Health, congratulate ourselves mutually on your improvement in eyesight on my regaining a visible shape in this House again.

Sir, I would like to touch on this question of the total estimate of \$146,319,947 which represents something like \$6 million plus more than the provision for the Health estimates last year. At the same time, Sir, I would like to begin by referring in particular to page 295, the provision of \$36,000 for the Minister of Health.

Sir, we all know from the disclosures we have heard, as well as published in the Press, that there might be a Cabinet reshuffle. Sir, I would not try to anticipate what the Government will do, but I would like to take this opportunity to congratulate the Minister for having been probably the most effective Minister of Health we have had ever since the Alliance came into power.

However, Sir, that does not necessarily mean that I support in full the total Budget provisions. For example, Sir, we were treated to all the usual charming manner of presentation of the estimates by the Honourable Minister earlier this morning, and the various methods by which he hoped to improve his Ministry, and he stated that he only wished that he had more funds with which we probably agree with him. He also hoped that by improved efficiency in administration he would be able, with the money provided, to bring greater health to this country.

Sir, I am quite sure the Minister of Finance, after his narrow escape from death, will fully appreciate the comments made by the Minister of Health. After his very, very dangerous experience of carbon monoxide poisoning, he discovered that the only place where he could find oxygen to revive him had to come from a private hospital, namely, the Assunta Hospital—and if we believe what the newspapers have written, he could not get a supply either from the General Hospital or from the Teaching Hospital at Petaling Jaya. Sir, I hope the Honourable Minister of Finance himself may well go into this problem as to whether, in fact, a further addition of funds will help the Ministry, or probably a little

bit more prod of the stick might produce greater efficiency in administration.

Sir, I would say that my comments about the Minister of Health being one of the best we have had is due to the fact that he has in his very amiable and affable manner provided the most cordial relationships amongst all the various organisations and institutions concerned with health in this country.

Whilst he has suffered naturally from whatever shortcomings there may be, I am quite sure, Sir, he will still prove to be of great influence in the future. Sir, he has also been extremely amiable to suggestions from the Opposition and although it has taken us several years to get the message across from this side of the House to the other, we are very happy to note that provisions for the Malaria eradication programme in West Malaysia given in pages 313 and 314 under P.E. and under Subhead 4, Other Charges Annually Recurrent on page 322, total something like over \$5,500,000. Sir, these provisions represent an increase of over \$600,000. However, Sir, in the past we have told the Minister time and again in this House that the Government's reckless cutting down on the anti-malarial expenditure would create a situation where malaria would again become an important medical and health subject in this country. Now, that the Government has again awakened to the dangers and is now taking some active steps to do it, I would like to suggest to the Honourable Minister that it may perhaps be still inadequate, in spite of the provision of increase that is made, to achieve what he has told us in public as well as in this House to attempt to eradicate once and for all time malaria in West Malaysia. However, Sir, I do laud the Honourable Minister for having made this provision, and I hope that with efficiency and greater administrative procedures, he will succeed in carrying out his objectives.

Sir, I also would like now quickly to turn to page 325 and refer to Subhead 59 under Special Expenditure, "Joint Sponsorship of Primary Examination for the F.R.A.C.S. and

M.R.A.C.P. in Singapore" where a token provision of \$10 only is given. Sir, I am very happy to note this, because this is the third year that we have made a comment on this and this is the second time that this provision has appeared. However, Sir, I hope the Minister and the Ministry will concretely select graduate doctors who have worked as housemen or even as residents in the hospitals of Malaysia to participate in this programme, so that they can readily benefit from the programme itself and not just leave it as a token vote, year in and year out.

Sir, this is the unfortunate aspect and the unreality of the Alliance budgeting in the sense that, whilst on the one hand Alliance projects for certain measures, it is either projecting too late or it is projecting needlessly. Sir, I say this with very great urgency by referring to page 323 under Other Charges Annually Recurrent, Sub-head 23, Sea Snake and Venom Research. Last year, Sir, we provided \$6,000. This year we cut that sum down to \$2,000. Sir, either the Government decides that this research centre is useless and cut it out completely, or else it thinks it is worthwhile and meaningful, and provide a larger sum of money for it. Sir, sea snake and venom research was started, as the Honourable Minister would recall, by Dr Read who is now an eminent man in his own field of sea snake poisoning. Unfortunately, Sir, the Research Institute that is left behind has not been able to carry on the good work that was started, and today it is no better than just a tourist show-piece in Penang for visiting guests, and it probably enthralled the Shah of Persia with whatever snakes we have in that institute. Sir, if the Government really intends earnestly to do something about sea snake and venom research, it should make a bigger provision; otherwise do not bluff us and give us a provision of \$2,000 which is getting us nowhere. It would not even provide for the eggs which the snakes require to keep them alive.

Sir, I would refer, also as another example of the type of willy-nilly, shilly-shallying type of expenditure, to

the provision of \$7,750,000 in page 324, Sub-head 32, for expenses of the Teaching Hospital, University of Malaya. This again, Sir, is a reduction from the previous provision of \$9 million. Sir, we spent enormous sums of money to build this University Teaching Hospital. We now have a physical Teaching Hospital. However, Sir, whether this Teaching Hospital can really carry out the functions of a Teaching Hospital in all the grandiose proportions that was envisaged, Sir, is something which is left to be imagined. For example, it is really quite shocking for us to reflect on the little story which I told earlier, that the Teaching Hospital here could not provide an extra tank of oxygen even for the Minister of Finance when he was in difficulty. Sir, I do hope that the Minister will look into this matter and make sure that whatever money is spent is spent usefully. There is also a level whereby monies that are cut down become completely meaningless. As I said, either you close down and do nothing about it, or else do not project any further without making the adequate provisions. Sir, as I have said this \$7 million may appear a very big sum of money to many Members of the House, but in effect it could be completely meaningless and it might just well be entered as zero. Either you provide them what they want for the work that they have to do, or else do not make any provision at all.

Sir, I would like to refer to another matter, which does not appear in this estimates, by referring to the total Special Expenditure of \$6,939,490 on page 325. Sir, the type of lackadaisical attitude with which the Alliance Government has gone about in spending large sums of money which the public has to bear each year is demonstrated by the fact that for years the Government has been talking about establishing a Cardiac Unit in Penang. We have in the course of the last five years chosen personnel, sent them abroad at great expense, trained them in the various specialist fields to have a Cardiac Unit but there has been no properly co-ordinated plan, so that by the time the trained personnel return

to our country there is a proper physical building to house this special Cardiac Unit where they can work. Sir, I know that each time that the Minister comes to Penang he talks about the Cardiac Unit and we support him in full, because he is a man full of heart. However, Sir, I do wish that either in his continued office or his successor's tenure of office before the General Elections, this Cardiac Unit shall come into being. Otherwise, Sir, the millions of dollars that we have spent in building up the personnel of this Cardiac Unit will become meaningless. Sir, this could very well be the fate of the \$25 million projected concept of a Neuro-surgical Unit. Sir, if the Government plans and talks about making this type of plans I hope that the Ministry can co-ordinate its efforts and make its projected plans and its promises into reality by the next Budget.

Sir, I would like to end up by just saying this. I hope the Honourable Minister will continue to have cordial relations with the other medical organisations in this country in order to help him in his work and in particular, I hope, Sir, that the cordial relations that have been established particularly by the present Minister with the Malayan Medical Association will continue to develop, whereby the wishes and ideas of the Association can influence the thinking and the projections of his own Ministry.

However Sir, I would like to touch on one last matter and that is in spite of all the money, in spite of the determination to become more efficient, I am quite sure that this Ministry will go on squandering and blundering away unless there were a positive review on the fundamental policy of health in this country and that Sir, will require far more legislation than the Honourable Minister has already referred to. I think the Minister referred to legislative changes to make it possible for Malaysian students with foreign degrees to return to work in this country. Sir, I suggest that far more legislative changes are required in the whole field of medicine, in order

to make the question of health progress much more quickly, so that we can keep pace with the rapid advance of medicine throughout the world. Sir, I refer to one simple matter. The Medical Council of Malaya today is actually an international council. It presents a very peculiar shape and form. We have representatives on the Malayan Medical Council from Singapore, which is now a foreign country, but we have no legislative means to provide for representation on this Council from Sabah and Sarawak, which are parts of Malaysia. Sir, this type of anachronism, this type of inefficiency, and this type of legislative backwardness, will not help us to go forward, and I do hope that the Minister will in future present us with greater energy and vitality in order to ensure progress in this Ministry. I assure you, Sir, that with the cordiality that already exists some show of vitality will certainly receive response from us in backing for any further grants that he may seek from the Minister of Finance to prevent future accidents of the nature which happened to the Honourable Minister of Finance. Thank you, Sir.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbincangan ini pada muka surat 322, Pechahan-kepala 5—Perkhidmatan Tabong Darah. Saya suka juga memberikan pandangan kerana kekurangan Tabong Darah ini menjadi kewajipan kepada seluruh ra'ayat dalam negeri ini. Untuk hendak mengisi Tabong Darah ini, saya menhadangkan pembahagian hadiah² atau medals kepada mereka² yang lebih banyak mendermakan darah dan hendak-lah Yang Berhormat Menteri mengadakan majlis bagi pembahagian itu untuk menjadi peransang.

Yang kedua, patut-lah kita beri wang sugu hati kepada penderma² darah. Pada muka surat 323, Pechahan-kepala 23—Penyelidekan Ular Laut dan Bisa, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat dia menyiasat lebih jauh lagi berhubung dengan ular yang ada di-To' Kong di-Pulau Pinang. Kalau ular itu bisa

supaya dapat-lah di-tahan daripada dipamirkan.

Pada muka surat 324, Pechahan-kepala 48—Kelengkapan Perubatan dan Pembelahan. Tuan Pengerusi, dalam hal ini peruntukan wang sebanyak \$800,000. Sa-bagai orang Islam bagi pehak wakil ra'ayat selalu sangat kira-nya sa-orang Islam mati dalam kemalangan. Umpama-nya masa terjatoh dalam perigi, dia meminta supaya wakil ra'ayat berjumpa dengan Tuan Doktor supaya mayat itu jangan di-belah. Jadi, saya berharap bagi pehak Yang Berhormat Menteri dapat mengechualikan daripada pembelahan kapada mayat² Islam yang telah mendapat kemalangan sa-rupa ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, pada muka surat 304, Butiran (176)—Pembantu Rumah Sakit. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri dapat menyiasat sa-orang Pembantu Rumah Sakit di-kawasan saya, ia-itu di-Pusat Kesihatan Kechil, Merlimau. Pegawai ini ada-lah pegawai sementara. Tujuan saya berkata supaya dapat Pembantu Rumah Sakit ini di-jadikan pegawai tetap. Pegawai ini telah bekerja dan berkhidmat bukan sahaja di-Malaysia ini, tetapi di-India dan di-Singapura dan kelulusan² yang ada pada-nya, ada-lah melayakkan diri dia menjadi sa-orang Pegawai Pembantu Rumah Sakit yang tetap, tetapi malang-nya sa-hingga pada hari ini pegawai ini tidak di-akui. Saperti surat yang akhir yang di-terima daripada Kementerian yang bertarikh pada 14hb Julai, 1967 ia-itu Kementerian menolak rayuan-nya dan bagi pehak Kesatuan Kaki-tangan Perubatan Malaysia juga telah merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya mereka ini dapat di-terima oleh Kerajaan menjadi pegawai atau Pembantu Rumah Sakit Kerajaan yang tetap. Jadi, dengan ada-nya kita di-Malaysia ini kekurangan kaki-tangan rumah sakit yang sa-rupa ini, patut-lah mereka ini di-beri peluang menjadi kaki-tangan Kerajaan yang tetap. Dengan memandangkan saperti salah sa-orang sahabat saya berkata tadi, kita ini kekurangan doktor dan Pembantu Rumah Sakit umpama-nya

di-kawasan² saya itu dia-lah mengganti doktor.

Jadi, saya harap-lah supaya dapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Dato' Pengerusi, dalam perbahathan di-atas Kepala B. 29 bagi peruntukan Kementerian Kesihatan ini, saya hanya hendak berchakap sedikit sahaja dengan sa-chara ringkas. Terutama sa-kali, Dato' Pengerusi, saya akan menyentoh muka surat 299, Butiran (64)—Pegawai Perubatan, ia itu peruntukan² sa-banyak \$4 juta.

Dato' Pengerusi, dalam perkara ini saya suka-lah hendak mengingatkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menunaikan janji yang telah di-buat oleh beliau sa-masa mengadakan lawatan ka-Rumah Sakit Daerah, Parit Buntar, pada tahun yang lalu yang mana beliau telah berjanji hendak menghantar sa-orang lagi doktor tambahan untuk berkhidmat di-Rumah Sakit Daerah yang tersebut itu. Jadi, saya harap-lah memandangkan pada tahun ini ada 40 orang doktor baharu akan di-tambah maka di-harap-lah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu akan dapat menunaikan janji yang telah di-buat oleh beliau itu.

Yang kedua-nya, Dato' Pengerusi, saya akan menyentoh muka surat 324, Pechahan-kepala 50—Kelengkapan Wad dan Rumah Sakit peruntukan sa-banyak \$375,000. Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya suka-lah menarek perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, ia-itu Rumah Sakit Daerah, Parit Buntar, yang ada pada hari ini yang hanya mempunyai Wad Kelas Tiga sahaja hendak-lah di-tambahkan Wad Kelas Dua.

Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak meminta supaya pehak Kementerian mengadakan satu bangunan baharu bagi mengadakan Wad Kelas Dua ini, tetapi saya fikir pehak Kementerian boleh menggunakan wad² yang ada pada hari ini hanya untuk di-tambahkan katil²-nya sahaja bagi

di-adakan Wad Kelas Dua, Rumah Sakit Daerah, Parit Buntar ini.

Tuan Pengerusi, sa-benar-nya Rumah Sakit Daerah Parit Buntar ini mengikut apa yang telah saya ketahui dari samenjak sa-belum merdeka dahulu hingga-lah sampai ka-zaman kita merdeka ini tidak-lah ada apa² perubahan-nya. Oleh itu saya harap-lah satu daripada perubahan yang patut di-buat untuk menolong hampir 200,000 orang penduduk yang berkehendakkan layanan perubatan Rumah Sakit Daerah ini patut-lah dilengkapi dengan Wad Kelas Dua.

Yang ketiga-nya, Dato' Pengerusi, saya suka menyentoh muka surat 325, Pechahan-kepala 76—Rancangan Kebangsaan Menchegah Malaria peruntukan sa-banyak \$1,272,185 juga muka surat 322, Pechahan-kepala 4—Perkhidmatan Menchegah Malaria sa-banyak \$5,341,300.

Dato' Pengerusi, sa-bagai sa-orang wakil yang datang daripada kawasan luar bandar saya berasa sukachita-lah bila mana mendengar pada tahun yang lalu pehak Kementerian ini telah melancarkan satu gerakan raksaksa bagi hendak menchegeh dan menghapuskan penyakit malaria ini dan penduduk² di-luar bandar ternanti-lah suatu gerakan yang akan di-lancarkan oleh pehak Kementerian itu. Pada masa² yang lepas di-kawasan saya, Dato' Pengerusi, boleh di-katakan pada tiap² bulan, ia-itu sa-belum-nya ranchangan raksaksa ini di-lancarkan oleh pehak Kementerian ini boleh di-katakan tiap² bulan ada pehak² Pegawai Penchegeh Malaria Daerah datang ka-rumah² di-kampung menyembor ubat² penchegeh malaria ini. Tetapi malang-nya sa-lepas Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengishtiarkan suatu gerakan raksaksa akan di-lancarkan untuk hendak menghapuskan penyakit malaria ini, maka usaha² yang di-jalankan pada beberapa tahun yang lepas itu telah di-berhentikan sama sa-kali. Jadi bagi pehak penduduk² kawasan luar bandar dalam kawasan saya berasa terkejut di-atas peristiwa yang berlaku ini, kerana bunyi-nya pehak Kementerian sedang

melancarkan suatu gerakan raksaksa, tetapi dalam amalan-nya tidak-lah nampak apa² usaha pun yang dijalankan mengenai ranchangan tersebut. Jadi saya berharap-lah kalau sa-kira-nya pihak Kementerian telah menamakan ranchangan ini sa-bagai ranchangan raksaksa, maka hendak-nya pelancharan gerakan ini jangan-lah bergerak saperti semut dan saya harap-lah supaya perkara ini mendapat perhatian yang berat daripada pihak Kementerian terutama sa-kali kawasan saya, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri ma'alum, kawasan Krian ada-lah merupakan sa-bagai kawasan sarang bagi nyamok membawa penyakit malaria ini biak.

Jadi kalau sudah sa-tahun lebeh usaha apa pun tidak di-jalankan, maka sudah tentu-lah nyamok² ini sedang membiak dengan bagitu besar-nya. Dan akhir sa-kali, Dato' Pengerusi, saya suka-lah menarek perhatian pihak Kementerian dan saya tidak dapati dalam mana² butiran dalam peruntokan yang di-pohonkan ini, ia-itu berhubung dengan penyakit chaching. Tetapi sa-malam, kalau saya tidak silap dalam pendengaran saya Yang Berhormat Menteri ada menyentoh sadikit berhubung dengan perhatian yang akan di-berikan oleh pihak Kementerian dalam menchegeh penyakit chaching ini. Saya rasa, Dato' Pengerusi, sa-lain daripada penyakit malaria dan beberapa penyakit lain lagi yang sedang merebak di-kawasan luar bandar hari ini maka penyakit chaching juga ada-lah merupakan sa-bagai satu penyakit yang sedang mengancham penduduk² di-kawasan luar bandar, terutama sa-kali, Dato' Pengerusi, penyakit chaching kerawit. Saya perchaya, Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bersetuju dengan saya, kalau saya katakan sa-bahagian besar, terutama sa-kali kanak² di-kawasan luar bandar yang sedang duduk di-bangku sekolah pada hari ini ada-lah mengidap penyakit chaching kerawit ini.

Jadi saya berseru-lah kapada Menteri yang berkenaan supaya membuat satu peruntokan yang khas, atau satu

gerakan yang tertentu bagi menghapuskan penyakit chaching kerawit ini. Sekian.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Dato' Pengerusi, saya bersama² menyokong anggaran Kementerian Kesihatan yang dibentangkan di-hadapan kita, ia-itu sebanyak \$146,319,947 ini. Dato' Pengerusi, memandangkan banyak-nya jumlah perbelanjaan yang di-untokkan kapada Kementerian ini, maka kita nampak-lah betapa besar-nya hasrat Kementerian ini untuk menyampaikan dan untok memberi semua kemudahan bagi kesihatan seluroh ra'ayat di-dalam Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, di-dalam tugas² Kementerian ini saya nampak ada-lah sa-bahagian besar daripada-nya bagi menyampaikan pelancharan, atau pun menyampaikan semua perkara hal ehwal kesihatan kapada seluroh ra'ayat di-dalam negara kita ini sa-bahagian besar bergantung kapada kecekapan dan kechergasan yang di-buat oleh pegawai² kesihatan di-tiap² buah Negeri. Jadi oleh kerana itu, Dato' Pengerusi, di-sini saya walau macham mana pun suka-lah menguchapkan terima kaseh di-atas daya usaha Kementerian ini, tetapi dalam perlaksanaan bagi menyampaikan hal ehwal kesihatan di-dalam kawasan² luar bandar ada-lah bergantung kapada kechergasan dan daya usaha yang di-buat oleh tiap² Ketua² Pegawai Kesihatan di-dalam Negeri masing².

Dato' Pengerusi, muka surat 323, Pechahan-kepala 22—dan muka 322, Pechahan-kechil 4—Perkhidmatan Menchegeh Malaria. Di-atas dua² perkara ini ada-lah merupakan satu perkara yang sangat² mustahak bagi kesihatan di-dalam kawasan luar bandar dan di-dalam ranchangan pembangunan negara kita juga telah ditentukan masaalah kesihatan merupakan sa-bahagian daripada kerja² pembangunan negara. Apa yang saya merasa mushkil ini boleh jadi barangkali di-negeri² lain tidak terjadi, tetapi di-dalam negeri Selangor sendiri wakil daripada Ketua Pegawai Kesihatan Negeri sendiri jarang sangat mahu

hadhir di-dalam meshuarat² pembangunan luar bandar daerah. Biasanya dalam meshuarat² pembangunan luar bandar ini di-wakili oleh Pegawai Kesihatan dalam Daerah itu sendiri, tetapi malang-nya kalau ada enam bulan, baharu-lah sa-kali mereka ini hadhiri.

Jadi, ini-lah menjadi satu masaalah yang besar, masaalah yang patut sangat mendapat perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini. Saya tidak menyalahkan Yang Berhormat Menteri, sebab Yang Berhormat Menteri, saya tahu, saya sedar sangat mengambil daya usaha dalam masaalah² kesihatan, tetapi bagi melaksanakan kerja² ini sa-bagaimana yang saya katakan ada-lah bergantung di-atas kecekapan di-atas daya usaha pada pegawai² di-tiap² buah Negeri masing².

Dato' Pengerusi, di-dalam Rancangan Kesihatan² Luar Bandar, sama ada menghapuskan chaching, sama ada menghapuskan malaria, sama ada memberi Pelajaran Kesihatan Umum patut-lah di-tiap² daerah ada mempunyai rancangan-nya sendiri. Pada masa ini, kalau Yang Berhormat Menteri dapat melawat dalam kawasan saya di-Sabak Bernam sana berjumpa dengan Pegawai Kesihatan kita, kita tanya berapa banyak-kah malaria yang dapat di-hapuskan dan berapa banyak penyakit² chaching yang dapat di-hapuskan dan berapa ramai orang ramai yang telah menerima nasihat daripada pegawai ini. Barangkali pegawai itu tidak dapat menjawab, kerana tidak ada pekerjaan yang di-buat di-dalam usaha² ini. Pegawai² ini hanya sa-mata² duduk di-Pusat Kesihatan dan menunggu orang sakit. Saya berpendapat soal masaalah memberi nasihat, soal masaalah memberi pelajaran kepada orang ramai ada-lah lebih mustahak daripada mengubati orang yang sakit, kerana mengubati orang yang sakit itu ada-lah perkara yang tidak boleh di-elakkan. Apa yang sa-baik²-nya di-dalam dasar Kementerian ini, ia-lah menjauhkan penyakit, bukan mengubati orang sakit. Jadi, oleh kerana itu, Dato' Pengerusi, saya sangat-lah berharap kepada sahabat saya Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini yang saya tahu memang

sangat mengambil berat di-dalam masaalah kerja² luar bandar, kerana beliau selalu sangat datang ka-Sabak Bernam, tetapi walau bagaimana pun kaki-tangan beliau yang di-bawah² ini tidak begitu mengambil daya usaha, boleh jadi barangkali Pegawai Kesihatan yang ada di-Sabak Bernam itu orang bujang, dan lebih banyak masa tinggal di-Kuala Lumpur daripada di-dalam daerah itu. Kita sedia ma'alum-lah Sabak Bernam panggon wayang pun tidak begitu banyak hiburan pun tidak ada, tetapi bukan-lah semua doktor berkehendakkan hiburan. Ini ia-lah sa-bagai satu tugas. Beliau sa-orang yang bertanggung-jawab dalam masaalah kesihatan ini patut sangat membuat rancangan, atau pun mengambil berat di-dalam kerja² kesihatan terutama di-dalam kawasan luar bandar.

Saya sangat tertarek hati kepada jabatan² lain yang telah mempunyai rancangan masing², Jabatan² dalam Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian, semua-nya ada mempunyai rancangan masing², tetapi di-dalam Kementerian Kesihatan ini sangat-lah mendukachitakan, bukan sahaja tidak mempunyai rancangan, tetapi jarang sangat hadhir di-dalam meshuarat² luar bandar.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu, di-sini saya suka-lah membawa kepada muka 300 ia-itu berkenaan dengan Pembantu Rumah Sakit. Ada satu Pusat Kesihatan Kechil di-dalam kawasan saya, ia-itu Kampong Sungai Ayer Tawar yang mana pusat itu telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri itu sendiri tempoh hari. Pada tempoh hari, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini, kerana saya telah di-beri sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang sangat² baik, sangat² mengambil berat, walau pun pukul 3, pukul 4, pukul 5 pagi di-panggil oleh orang kampung, beliau ini datang. Datang memberikan pertolongan dan apa juga yang di-perlukan oleh orang kampung, beliau ini datang dan memberi khidmat. Tetapi malang-nya orang yang begitu baik, orang yang begitu mengambil daya usaha kepada kesihatan² orang ramai telah di-tukarkan di-Rumah Sakit Umum

Kuala Lumpur. Elok juga kalau saya berikan nama-nya, ia-itu Tuan Haji Nordin bin Bokek. Orang ini sangatlah memuaskan khidmat-nya kepada orang ramai terutama dalam kampung saya sendiri. Kalau boleh-lah Yang Berhormat Menteri ini ambil balek orang ini datang ka-Sungai Ayer Tawar yang mana tempat ini kosong sampai sekarang tidak ada langsung ganti-nya, sedangkan orang yang memerlukan Pusat Kesihatan Kechil di-Sungai Ayer Tawar ini tidak kurang daripada 5,000 orang, tidak ada sa-orang pun Pembantu Rumah Sakit. Jadi, bangunan yang begitu endah dan kelengkapan² yang telah di-sediakan di-situ pada masa ini tidak-lah memberi faedah yang besar kepada ra'ayat dalam kawasan itu. Jadi, itu-lah saya harap sangat kepada Yang Berhormat Menteri akan jasa baik-nya bagi memberi pertolongan di-Pusat Kesihatan Kechil Sungai Ayer Tawar itu dengan mendapatkan lagi Pembantu Rumah Sakit di-dalam *kampung itu.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya suka hendak bawa sedikit perkara berkenaan dengan soal muka 301 berkenaan dengan Pengambilan Jururawat termasuk juga Latehan Bidan. Di-atas perkara ini, Dato' Pengerusi, biasa-nya Jururawat dan Bidan² yang di-ambil ini, banyak di-ambil daripada bandar² dan Jururawat atau pun Bidan² daripada kampung ini tidak begitu dapat keutamaan. Saya tidak tahu ada-kah barangkali keutamaan yang di-tentukan oleh pegawai² ini daripada segi rupa, atau pun daripada segi kelulusan. Tetapi kalau daripada segi kelulusan, saya rasa sama ada daripada dalam bandar, atau pun luar bandar, masalah sijil-nya itu tidak ada lebeh dan tidak ada kurang, tetapi kalau di-timbangkan daripada segi rupa, barangkali orang daripada luar bandar kurang sedikit daripada orang dalam bandar. Ini kita sedia ma'alum-lah, kerana apa yang saya sebutkan di-sini, Dato' Pengerusi, banyak sangat permohonan yang datang daripada luar bandar tidak mendapat layanan yang memuaskan dan selalu sangat ketinggalan walau pun ramai-nya permohonan itu, tetapi kalau ada 100 barang-

kali satu-lah yang di-ambil, yang lain itu di-tolak. Padahal sharat² itu memang ada kepada orang² yang membuat permohonan ini. Jadi, ini juga saya harap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Saya perchaya ini bukan di-dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri, boleh jadi di-dalam pengetahuan kaki-tangan yang di-bawah Yang Berhormat Menteri, sebab masalah ini bukan satu masalah yang mesti di-ketahui oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi mesti di-ketahui oleh sa-bahagian daripada kaki-tangan yang bertanggung-jawab.

Saya rasa itu sahaja-lah, Dato' Pengerusi, kerana banyak sangat rakan saya hendak berchakap lagi dan saya ucapkan terima kaseh.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I speak on Sub-head 1, Items (56) (i) and (ii) and (380) and Sub-head 5 on page 322.

Sir, as we are aware, this Ministry started with a great handicap at the time of Merdeka, when an average hospital in Malaya was about 60 years old. As such, we cannot be too drastic on this Ministry, because during this short period, great strides have been taken and great improvements have taken place. Speaking of my constituency, Port Dickson, Sir, malaria, which was once a curse of this country, has almost disappeared from the scene. It is very rare to hear of anybody suffering from malaria these days. However, we have a request to make to the Honourable Minister, i.e., if he would be good enough to consider having in his estimates for the coming year a new hospital for Port Dickson, because the population there is increasing very much faster than in an average town—a new refinery has been put up by ESSO, another refinery has been put up by Shell, a new huge multi-million project in the way of electrical power plant is being put up, the number of tourists and visitors each week-end is increasing by thousands. As such, it is necessary that the hospital be enlarged not only because it is very essential, but because Port Dickson is also a show-piece of our country.

Speaking next on Item (56) Specialists and State Physicians, there is a feeling among the people that the Specialists at the present moment are meant only for special people. From what I hear, if there is an operation to be performed, the Specialist is very likely to take the operation if the patient is a paying patient. If the patient happens to be a third-class patient, or for that matter if he is a Government officer, even though he may be a Division I officer, and as such no fee would be charged, I am told that it quite often happens that it is not the surgeon but it is the assistant who performs the operation. I would suggest that the Specialists should be paid their dues, but it can be paid in the way of allowances, and then the Specialists should be able to look after each patient according to the needs of the patient and not the paying capacity of the patient.

Speaking on hospitals, Sir, the other point to which I would like to draw the attention of the Ministry is in respect of Estate Hospitals. As we are aware, each estate has to maintain a hospital, but most of these estate hospitals are definitely not up to the standard, either in the way of buildings or in the way of furniture; and it is essential that these hospitals should either be scrapped and central hospitals provided, or the Ministry should insist that these hospitals maintain a definite minimum standard, because these hospitals attend not only to the workers on the estates, but during an emergency they also assist the neighbouring population.

Speaking about the Blood Bank, page 322, Sub-head 5, the blood banks, to my knowledge, are operating very satisfactorily. I would disagree with some of the previous speakers that there is any inconvenience put in the way of patients who might meet with some accident. As far as I am aware, in my constituency and in Seremban, blood is always provided immediately a case arrives, but the doctors in charge naturally try their very best to persuade the relations of the patient to make good the blood that has been provided. In this case, Sir, I would

appeal to the Ministry to do more in the way of educating the public, because certain sections of our population have a feeling that by giving away blood, they are going to lose a lot of their strength, working capacity, and it would take them a long time to recover their strength. Cases are quite common in my district where a near relative, though in a healthy condition himself, would rather go and get somebody paying him an amount of \$50 to \$70 and thus buy a donor rather than give his own blood, though the doctors are quite satisfied that the person himself was healthy enough to contribute the blood himself. With education, I am sure, the people could be made to realise that one does not in any way suffer by giving one's blood if one is in a proper and healthy condition; and if he was not in a healthy condition the doctors could always refuse to accept his blood. Thank you, Sir.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.30 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.45 petang.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Ng Fah Yam (Bata Gajah): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang ada di-hadapan kita, ia-itu bagi Kementerian Kesihatan, dan saya suka menyentuh satu perkara sahaja, ia-itu berkenaan dengan B. 29, muka surat 295, butiran (1), Menteri Kesihatan. Tuan Pengerusi, patut gaji doktor² hendak-lah di-naikkan dan perkara ini di-kaji sa-mula supaya lebeh ramai lagi doktor memasoki Perkhidmatan Kerajaan. Pada masa sekarang sangat-lah kekurangan doktor di-hospital² dalam negeri kita. Tuan Pengerusi, sekian-lah sahaja—terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan penuh tentang rang perbekalan bagi perbelanjaan Kementerian Kesihatan sa-banyak \$146,319,947. Tuan Pengerusi, berbanding dengan belanjawan pada tahun yang lalu, maka nyata-lah bahawa Kementerian Kesihatan khas-nya Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mengambil satu initiative yang kuat bagi memajukan perkhidmatan perubatan di-dalam negara Malaysia ini, dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan di-atas daya usaha-nya bagi memajukan Perkhidmatan Perubatan di-dalam negara Malaysia ini dari sa-tahun ka-sa-tahun.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh pada muka 323, Pechahan-kepala 24 ia-itu Barang² yang berjumlah sa-banyak \$11,296,900. Jadi saya teringat-lah balek, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan peristiwa² botol oxygen bagaimana yang telah di-chakapkan oleh beberapa orang di-dalam Dewan ini, peristiwa yang telah berlaku ka-atas diri Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi saya suka-lah hendak melanjutkan lagi perkara ini supaya Menteri Yang Berhormat dapat mengambil perhatian yang berat di-atas perkara ini, ia-itu perkara botol² oxygen ini supaya jangan lagi berlaku bagi masa² yang akan datang. Apa yang saya hendak kemuka, atau ceritakan di-sini, Tuan Pengerusi, lebih kurang tiga bulan yang lalu di-ketika saya berada di-Rumah Sakit Umum Alor Star dan pada satu pagi saya telah dengar bapa bagi sa-orang anak yang berumur lebih kurang tiga tahun sedang berbalah dengan sa-orang nurse, kerana anak-nya sudah mati dan dia menuduh bahawa botol oxygen yang di-gunakan kepada anak-nya ia-lah botol yang kosong. Tetapi walau bagaimana pun saya tidak champor apa² dalam perkara yang tersebut, hanya saya dengar, dan saya berharap-lah bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya mengambil satu pandangan yang berat di-atas perkara botol² ini supaya botol² ini sa-benar²-nya tidak kosong atau mengandungi oxygen, kerana perkara ini perkara sa-macam ini boleh ber-

laku, Tuan Pengerusi. Jadi supaya jangan ada lagi tuduh²an yang tidak baik terhadap Perkhidmatan Perubatan dalam negara kita yang telah kita usaha bersungguh², jadi saya harap-lah bahawa perkara ini akan di-amal satu ingatan yang berat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Dan bagitu juga di-dalam Perkhidmatan Kesihatan dalam negara kita pada hari ini, maka sudah tentu-lah kita menggunakan banyak ubat², apa yang saya hendak sebutkan di-sini ubat² yang banyak kita gunakan di-dalam negara kita Malaysia yang mana saya perhatikan daripada chap² yang ada ia-lah kebanyakan ubat² yang kita bawa masuk daripada England. Jadi di-dalam dunia yang serba maju ini, Dato' Pengerusi, bukan England sahaja yang dapat membuat ubat² yang baik, bahkan kita dapati pada hari ini seperti Amerika Sharikat dan bagitu juga di-Jerman Barat dan negeri lain² lagi banyak membuat ubat² yang lebih baik, atau pun yang lebih tinggi mutu-nya daripada ubat² yang di-buat di-England. Jadi saya berharap-lah supaya Menteri Yang Berhormat membuat penyelidikan supaya ubat² itu jangan-lah kita bawa masuk daripada satu negara sahaja, bahkan biar-lah kita beli ubat² itu daripada negara² yang lain daripada England supaya perkembangan kesihatan di-dalam negara kita ini akan bertambah subur dan maju.

Dan bagitu juga muka 324 Pechahan-kepala 48—Kelengkapan Perubatan dan Pembelahan. Jadi ini sedikit sahaja yang saya hendak ucapkan ia-itu supaya kelengkapan² yang kita gunakan dalam Rumah Sakit Umum di-seluruh Malaysia ini kalau boleh, dengan sa-boleh-nya biar-lah kelengkapan itu, atau barang² itu kita gunakan, ia-itu barang² daripada perbuatan made in Malaysia, atau di-perbuat daripada Malaysia.

Dan pada muka 313—Ranchangan Penchegah Penyakit Demam Kura, atau pun demam kepialu atau demam kura. Sa-bagaimana yang saya pernah berchakap dalam Dewan ini bahawa Perlis-lah satu negeri yang penuh dengan malaria. Jadi saya harap-lah Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya

meningkatkan membuka satu Pusat Penchegah Malaria di-dalam negeri Perlis kerana di-sana ada satu chawangan Pusat Kesihatan yang telah di-bena beberapa tahun yang telah lalu, tetapi oleh kerana kekurangan orang di-dalam kawasan itu, maka Pusat Kesihatan itu tidak-lah begitu besar di-gunakan-nya dan saya harap tempat itu ia-itu yang bernama Gali dapat-lah di-jadikan satu Pusat Penyelidikan Demam Kura di-dalam negeri Perlis.

Dan akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, kerana di-dalam perbekalan ini saya tidak nampak peruntukan yang saya fikir penting ia-itu penerangan. Sebagai sa-buah Jabatan yang maha penting di-dalam negara kita Malaysia, maka saya fikir bagi pihak Kementerian supaya dapat mengadakan satu Jabatan Penerangan yang mana dengan ada-nya Jabatan ini, atau Chawangan ini, maka banyak-lah perkara² yang dapat kita membuat siaran, ia-itu melalui radio, talivishen dan melalui filem². Jadi dengan chara kita mengadakan Chawangan ini, maka tentu-lah ada banyak besar faedah-nya bagi penduduk² khas-nya penduduk² di-luar bandar. Jadi apa yang saya ketahui pada hari ini walau pun ada filem² yang di-tayangkan oleh Pejabat Penerangan, tetapi filem² itu kebanyakan-nya filem yang sudah lapok, yang sudah lama, dan ada sa-tengah² filem yang di-bawa daripada luar negeri yang berbahasa Indonesia seperti karton² dan sa-bagai-nya, ia-itu menchegeh penyakit malaria dan saya fikir kalau pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat memikirkan supaya usaha² penerangan ini dapat kita jalankan dengan besar²an, atau dengan luas umpama-nya Yang Berhormat Menteri dapat bekerjasama dengan Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran, ia-itu kita ambil dalam satu bulan sa-kali di-dalam siaran radio supaya dapat penduduk² luar bandar mengikuti perkembangan² kesihatan dan juga apa yang patut di-buat, atau di-amalkan oleh penduduk² luar bandar, atau apa yang tidak boleh di-amalkan oleh penduduk² luar bandar, ia-itu berkenaan dengan kesihatan di-dalam negara kita Malaysia.

Jadi, sa-takat itu-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya champor sedikit sahaja dalam Kementerian Kesihatan ini. Yang pertama saya hendak minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan, ia-itu sampai sekarang ini, apa-kah yang saya sendiri akan chakapkan kepada orang² di-daerah Alor Gajah kedudukan Hospital Alor Gajah yang di-tumpangkan bagi orang² tua, atau yang berpenyakit tibi yang saya selalu ulang²kan berchakap di-sini, sampai ka-mana hal² pergerakan daripada cherita hendak memindahkan orang² ini?

Yang kedua, saya mengucapkan terima kaseh, kerana dalam kawasan saya Jajahan Alor Gajah empat sub-centre sudah ada. Sub-centre² ini tentu-lah Tuan Pengerusi pun tahu dudok-nya di-luar bandar. Apa yang di-mushkilkan oleh tiap² tempat ini, ia-itu kalau ada apa² hal mereka tidak dapat berhubung. Kenderaan tentu-lah kita tahu, dan saya tidak-lah mendesak pada kali ini, kerana belanja-nya banyak tetapi tidak-kah ada ranchangan daripada Kementerian ini hendak meletakkan tiap² sub-centre ini dengan talipon? Kerana sub-centre² ini mengawasi lima atau enam kelinik² bidan yang dudok-nya di-kampong² yang kadang² tidak ada talipon, jadi kalau ada sa-suatu hal di-sub-centre ini-lah orang akan tuju, kerana bantuan, pertolongan segera akan dapat di-beri oleh jururawat, atau sa-siapa yang ada di-sana. Tetapi, malang-nya di-antara sub-centre² ini belum ada lagi gerakan hendak memasokkan talipon. Bila saya berchakap dalam kawasan saya, ternampak juga saya di-seluruh Malaysia ini banyak lagi sub-centre² ada—jadi, tentu-lah tidak menasabah kalau hendak di-hantar kepada sub-centre dalam kawasan saya sahaja. Tetapi nampak saya ada perkara yang boleh di-mudahkan sedikit, ia-itu patut di-buat perundingan di-antara Kementerian Talikom apabila hendak mengadakan publik talipon atau pun talipon orang ramai di-kampong², dan saya rasa elok-lah di-dekatkan sedikit kepada sub-centre ini, ini mudah sangat. Sekarang ini kawasan sub-centre ini kebanyakan-nya di-kawasan baharu dan ada tempat yang tidak ada api, jadi kalau tengah malam, kalau bidan

atau pun jururawat, mereka ini orang perempuan, kalau dia hendak pergi menuju kepada tempat talipon yang dalam gelap ini, pun satu bichara juga. Jadi ini-lah dia yang di-sungutkan oleh orang² dalam kawasan saya yang meminta Yang Berhormat Menteri, atau pun Kementerian ini dapat memberi pertolongan untuk memudahkan kerja² bagi pehak kesihatan di-luar bandar.

Satu perkara lagi saya hendak tambah. Tadi saya sudah tanya berkenaan dengan Hospital di-Alor Gajah itu bagaimana hendak di-aleh atau pun di-buat begitu bagini, dan satu lagi di-Masjid Tanah, saya serba salah juga sa-bagai wakil ra'ayat, kerana tiap² tahun ada bermeshuarat. Jadi ranchangan hendak menjadikan Pusat Kesihatan di-Masjid Tanah itu peranggaran-nya telah lama dan daripada Kementerian ini pun melalui Pegawai²-nya telah mengatakan tahun 1962, tahun 1963, meshuarat tahun 1963, tahun 1964, tidak juga di-jalankan, walau pun kawasan² itu sudah di-agak begitu bagini, tetapi tolong-lah saya sedikit, kerana kita hendak memberi layanan kepada beberapa sub-centre, tentu-lah ada Main Centre, atau pun Pusat Kesihatan yang lengkap sedikit di-Masjid Tanah, dan saya harap Kementerian ini akan memberi pertolongan; saya hendak menjawab segala pertanyaan penduduk² di-sana yang laparkan pertolongan kesihatan, kerana chontoh-nya pekan² yang lain, saya nampak tidak ada doktor² private ini membuka perusahaan, tetapi di-Masjid Tanah sekarang ini ada dua doktor private. Ini menandakan bahawa kebanyakan penduduk² di-sana telah dapat menilai bagaimana mustahak-nya layanan doktor, atau pun layanan perubatan yang sempurna dan langkah untuk kita hendak memberi kemudahan; saya harap Kementerian yang berkenaan dapat membantu kawasan saya, terima kasih.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):

Tuan Pengerusi, saya mengalu²kan dan menyokong peruntukan perbekalan yang di-minta untuk Kementerian Kesihatan bagi tahun 1968 ini. Bagi saya, Tuan Pengerusi, kesihatan ada-lah sama juga pelajaran yang di-kehendaki sangat² oleh negara

kerana dengan tidak ada-nya kesihatan dan pelajaran, maka negara akan kuchar-kachir—bagitu juga kesihatan yang elok menunjukkan negara itu ma'amor dan kalau kesihatan kurang elok, maka negara akan juga turut sama kurang maju. Berpaling kepada muka 324, Pechahan-kepala 34—Pemberian kepada Badan Sukarela bagi Kerja Perubatan dan Kebajikan. Dalam perkara pemberian ini, Tuan Pengerusi, saya suka membawa pandangan juga berkenaan dengan kanak² di-sekolah. Jadi saya harap-lah kepada Kerajaan melatehkan, atau memberi training kepada sa-orang atau dua guru dalam hal perubatan sa-kurang²-nya tahu membuat emergency work saperti luka; ada kanak² dalam kawasan saya balek sekolah dan sa-bagai-nya, dan mendapat kemalangan yang ringan dan ada kala-nya kemalangan yang berat yang tidak dapat hendak diselamatkan. Jadi guru² di-minta supaya di-beri latehan macham luka, chedera dan lain² kemalangan kechil. Dengan ada-nya latehan bagini, dapat-lah sa-kurang²-nya kalau ada murid² terkena chedera pada waktu sekolah, dapat di-tahan penyakit-nya, atau darah yang mengalir hingga ambulan datang dan sampai ka-rumah sakit. Sungguh pun saya tidak menafikan bahawa tiap² sekolah ada First Aid Kit, tetapi saya fikir hendak-lah juga di-lateh orang yang pandai menggunakan-nya dan boleh jadi tempat itu akan menjadi hospital kechil bagi kanak² sekolah untuk mendapatkan rawatan atau mendapatkan perubatan.

Yang kedua, saya suka beraleh di-muka 325, Tuan Pengerusi, sa-rupa dengan sahabat saya Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Selatan, tetapi saya hendak melengkapi sedikit lagi berhubung dengan Pechahan-kepala 72—Harga Filem Baharu yang di-anggarkan \$20,000. Pertunjukan filem kesihatan pula hendak-lah di-tunjukkan kepada orang ramai di-tiap² kali apabila Jabatan Penerangan menunjukkan wayang gambar, atau memainkan wayang gambar-nya. Perkara menunjukkan hal keadaan menjaga kesihatan menggalakkan benda² atau mengelakkan benda² yang boleh mendatangkan

penyakit, makanan yang berzat hendaklah di-tunjukkan pada tiap² kali diadakan pertunjukan filem. Biar-lah berulang² kali, tetapi jangan-lah filem itu sahaja di-ulangkan. Biar-lah di-ulang²kan hingga orang² kita sedar bagaimana penting-nya kesihatan kapada penghidupan. Kapada anak² sekolah begitu juga hendaklah di-tunjukkan filem² kesihatan sa-bulan sa-kali, atau dua bulan sa-kali bagi menambahkan *General Knowledge* mereka juga. Jadi tiap² filem yang di-tunjukkan melalui Jabatan Penerangan hendaklah di-selitkan satu filem tentang hal kesihatan.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, di-dalam masaalah kesihatan yang mana di-Negeri Perak ada pegawai² yang berjanji pada tahun 1967 hendak membuat kelinik bidan, tetapi sampai tahun 1968 ini tidak di-buatkan juga. Jadi satu yang saya harap kapada Yang Berhormat Menteri bagaimana rakan² saya dan saya juga dalam kawasan saya hendak menjawab dan hendak menghadap ra'ayat di-dalam masaalah ini, oleh kerana ada beberapa tempat yang telah di-beri tahu oleh Pegawai Kerajaan, kemudian kita pula pergi umumkan di-tempat itu, apabila kita pergi umum di-tempat itu, datang-lah ra'ayat memberontak dengan kata² bahawa Kerajaan kita ini membuat janji yang palsu. Jadi ini juga satu kesalahan, dengan tidak-lah mengetahui tentang mana-kah dudok-nya; jadi Pegawai² Kerajaan yang ada di-dalam Negeri Perak atau pun pegawai² kesihatan yang telah membuat pengumuman² yang sa-umpama ini, jadi yang terkena-nya ia-lah wakil² ra'ayat. Wakil² Ra'ayat itu terus perchaya sahaja kapada Pegawai Kerajaan itu pergi membuat pengumuman, di-sini hendak di-jadikan Pusat Kesihatan, Kelinik Bidan dan tempat ini dalam lawatan² wakil² ra'ayat. Jadi ini bagi hendak menolongkan sa-bagaimana sahabat saya di-Melaka Utara tadi, bagi hendak menjawab balek kapada ra'ayat. Terima kasih.

Tuan Senawi bin Ismail (Seberang Selatan): Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk menyokong di-atas peruntukan perbelanjaan bagi Kementerian

Kesihatan sa-banyak \$146,319,947. Tuan Pengerusi, saya fikir hampir satu hari kita telah mendapat berbagai² pandangan di-dalam Dewan yang mulia ini, ia-itu terhadap Kementerian Kesihatan. Saya juga memberi terima kasih tentang usaha² yang telah di-jalankan bagi Kementerian ini, terutama sa-kali saya perchaya bagi yang ada sa-tengah pada sa-tengah telah menu-duhkan Kementerian Kesihatan tidak melawat ka-klinik² bidan di-luar bandar dan juga di-Hospital² Umum di-luar² bandar. Tetapi, bagi kawasan saya tidak ketinggalan dengan ada kedatangan Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah dapat di-benakan sa-buah Pejabat, Hospital yang baharu ia-itu di-Sungai Bakap sa-banyak tidak salah \$50,000. Tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja lagi yang hampir tidak siap, kerana dalam tahun 1966 lawatan Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga bersama² Pegawai Kerja Raya yang telah melawat di-tempat yang tersebut dan telah mengakui membuat peruntukan sa-banyak \$15,000 kerana menyudah-kan daripada bangunan baharu kapada bangunan lama yang hampir 30 kaki.

Jadi masaalah-nya hari ini, Tuan Pengerusi, yang menjadikan kesulitan, peperiksaan oleh Pegawai Perubatan di-rumah yang baharu, manakala sa-sudah di-pereksa² membawa orang² sakit itu pergi ka-rumah yang lama. Tetapi kalau-lah musim hujan, terpaksa-lah orang yang sakit, orang yang kena di-pereksa tadi di-timpa hujan. Demikian juga kalau waktu yang panas begitu juga, Tuan Pengerusi. Jadi, masaalah ini-lah yang saya harapkan yang mana di-katakan perbelanjaan sa-banyak \$15,000 boleh di-katakan tidak-lah besar, memandangkan keadaan peruntukan pada tahun ini boleh-lah di-baiki; kerana selalu orang² terutama sa-kali yang memerlukan perubatan. Melihat keadaan² yang sa-macham itu jadi satu perkara saperti mana yang di-katakan oleh Ahli dari Krian Darat tadi ia-itu yang di-tumpukan terhadap-nya pada wakil² ra'ayat. Ini-lah saya menarek perhatian daripada Menteri yang berkenaan supaya dapat melaksanakan dengan sa-berapa segera.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya menyentoh berkenaan dengan Latehan, muka 323, Cheraian 25. Latehan yang mana hari ini kita semua tahu apa² yang kita berkehendakkan dan apa² yang kita maksudkan ia-lah latehan, kerana dengan latehan ini-lah kita akan dapat umpama-nya membena masharakat yang lebeh tinggi dan lebeh lagi berjaya. Saperti mana, Tuan Pengerusi, yang saya dapat tahu sa-tengah² daripada Jururawat atau pun Penolong Jururawat dan juga Bidan² yang mana latehan ini ia-lah latehan di-atas urusan kerja² masa itu sahaja. Jadi, tidak termasuk latehan bagaimana menjaga budi, perangai, adab-tertib terhadap pada orang² luar bandar, tetapi dengan kerana kita dengar selalu² di-surat² khabar yang ada menyatakan di-hospital pada satu hospital telah menjadikan satu perkara yang tidak baik ia-itu dengan per-kataan² yang tidak manis. Jadi, ini satu yang boleh membangkitkan ka-marahan bagi orang² yang memerlukan per-ubatan di-dalam hospital.

Sa-bagaimana yang saya tahu di-tempat saya, kawasan saya, Tuan Pengerusi, satu Bidan, ia-itu Bidan yang bekerja di-dalam hospital, sampai orang yang hendak melahirkan anak di-dalam Hospital itu berasa takut dengan kerana ka-marahan yang menjadi², bukan sahaja pada sa-orang boleh di-katakan dengan dua, tiga orang—saya sendiri tahu, Tuan Pengerusi, saya pun telah menasihati pada mereka² itu dengan selalu dan dia akan membuat juga perkara yang tidak baik. Jadi, kalau ada orang yang tahu saperti beranak ini, Tuan Pengerusi, dia pergi di-hospital lain, ia-itu di-Bukit Mertajam. Jadi ini-lah saya menarek perhatian pada Yang Berhor-mat Menteri supaya tolong-lah menyia-sat di-atas, hal ini dan juga supaya melatehkan Bidan² ini supaya mereka itu tahu budi bahasa dan yang baik terhadap orang² yang memerlukan per-ubatan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak memberi pandangan reng-kas sahaja dalam dua perkara pada

petang ini dalam Kementerian Kesi-hatan. Tetapi, sa-belum saya menge-mukakan pandangan² saya pada petang ini saya sangat terkejut, Tuan Penge-rusi, dengan petition yang telah di-buat oleh pehak parti Pembangkang kepada Tuan Speaker membantah di-atas masa yang tidak di-beri kepada pehak Pembangkang. Saya pandang pada per-binchangan Kementerian Kesihatan yang memakan belanja sa-banyak \$146 juta ini, hanya dua muka Ahli Pem-bangkang sahaja yang ada mengambil bahagian, ia-itu Ahli dari Batu dan Ahli dari Tanjong, barangkali kerana mereka ini sendiri ada-lah berpengalaman dalam hal perubatan dan kedokteran; Ahli² Pembangkang yang lain sa-orang pun tidak menampakkan muka sa-panjang masa perbinchangan kita dalam Dewan ini. Ini-lah keadaan kerusi² pehak Pembangkang kosong, tetapi berani dan ada muka untuk menghantar surat memprotest atau membantah kepada Tuan Speaker tidak memberi masa pada mereka konon-nya dalam perbinchangan Kem-entrian Pelajaran. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, Ahli² Pembang-kang ini-lah puak² yang tidak bertang-gong-jawab sama sa-kali, tidak tang-gong-jawab kepada negara dan kepada pengundi² mereka, kerana terlalu sedikit sumbangan yang mereka berikan dalam perbinchangan Dewan ini. Jikalau tidak ada-lah Ahli² penyokong Kera-jaan yang mengambil bahagian yang penoh, dengan sa-penoh² tanggong-jawab di-atas perkara² yang di-bin-changkan dalam Parlimen ini maka tidak ada erti lagi Parlimen ini. Sa-benar-nya sa-kali Tuan Pengerusi, Pembangkang ini sa-puak yang tidak bertanggung-jawab yang sudah mati dengan tanggong-jawab-nya, yang kita tahu tanggong-jawab-nya yang hanya menunjol²kan muka kepada ra'ayat konon memprotes kerana tidak di-beri masa oleh Tuan Speaker.

Saya berharap bahawa ra'ayat akan sedar sekarang ini bagaimana tidak bertanggung-jawab-nya segala Ahli² puak Pembangkang yang hanya pandai berkokok pada masa yang mereka hendak berkokok konon-nya tidak di-beri masa. Datang-lah sekarang 20 atau 30 orang Pembangkang yang ada,

berchakap-lah habis²an tentang per-
untokan \$146 juta duit orang ramai
yang akan di-belanjakan. Hanya dua
muka. Ini-lah sahaja yang berchakap
sa-panjang masa perbahathan ini.

Tuan Pengerusi: Muka berapa yang
di-chakapkan itu?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Ini
muka Pembangkang, Tuan Pengerusi.
Tuan Pengerusi, berbalek kapada Ke-
menterian Kesihatan, saya merasa
bahawa suatu perkara yang harus di-
beri perhatian oleh Kementerian Kesi-
hatan, ia-lah kurang-nya kesedaran
tentang kesihatan di-kalangan orang
ramai, di-kalangan ra'ayat, kesedaran
tentang kesihatan rasa minat, rasa
ambil berat tentang kehendak² kesi-
hatan terlalu kurang.

Saya tertarek hati kapada beberapa
shor daripada rakan² saya yang lepas
tadi tentang penerangan yang di-
jalankan oleh pehak Kementerian Kesi-
hatan. Saya rasa penerangan dengan
tidak terator itu tidak memadai, Tuan
Pengerusi. Saya suka menchadangkan
bagi mengatasi perkara ini dan me-
nanamkan rasa kesedaran kapada
perlu-nya menjaga kesihatan supaya
pehak Kementerian Kesihatan meng-
adakan kempen kesihatan sa-tahun sa-
kali, atau dua kali sa-tahun, kempen
kesihatan yang di-tumpukan betul²
dengan ada slogan, kertas² chogan kata
di-tampal merata². Dengan ada chara²
slogan itu sudah tentu hal kesihatan
untuk menjaga kebersehan, umpama-
nya, kempen untuk menanamkan se-
mangat bagi menjaga kebersehan. Saya
katakan di-tumpukan kapada thema
itu sahaja di-seluruh negara dengan
chogan kata-nya, dengan radio-nya,
dengan talivishen-nya dan dengan
chara² yang lain. Dan saya suka men-
chadangkan bahawa pehak Kemen-
terian Kesihatan patut berhubung
dengan Majlis² Ugama supaya dalam
masa di-adakan kempen kesihatan
ini di-masokkan khutbah² Juma'at
yang berthemakan kesihatan yang
memberi kesedaran tentang kesihatan.
Dan jikalau Menteri Kesihatan menga-
takan tidak ada duit, dia patut
berjuang mendapatkan duit ini, dan
saya menyokong sa-penoh-nya supaya

duit yang di-beri ini menanamkan
semangat dan kesedaran kesihatan di-
kalangan ra'ayat.

Jadi dengan chara kempen yang
terator ini, Tuan Pengerusi, saya
merasa suatu kemajuan kesihatan yang
betul² berkesan dapat kita chapai.
Jikalau hanya sa-kali sa-kala tunjok
filem, sa-kali sa-kala Pegawai Pejabat
Penerangan memberi sharahan tentang
kesihatan dengan chara tidak terator,
dengan tidak chara tumpuan yang
betul, kesan daripada gerakan itu tidak
sa-berapa. Suatu kempen yang tertentu
dengan tempoh masa yang tertentu
yang di-tumpukan segala tenaga, harus
di-jalankan bagi menanamkan sema-
ngat kesihatan ini untuk kebersehan-
kah, untuk menghapuskan malaria-
kah, untuk sa-suatu perkara yang
tertentu berperengkat² sa-tahun sa-kali
atau dua kali, tahun depan pula sa-
kali, atau dua kali pada thema², pada
perkara² yang tertentu mengenai kesi-
hatan. Saya rasa dengan chara yang
demikian kita dapat menchapai suatu
kemajuan yang baharu dalam kema-
juan kesihatan kita dan menanamkan
kesedaran kesihatan kita di-kalangan
ra'ayat.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi,
ia-lah saya tidak tahu sekarang ini
sa-panjang mana kawalan yang ada
kapada Kementerian Kesihatan di-atas
usaha² orang membuat ubat². Pada
masa ini banyak sangat orang yang
menchari rezki membuat ubat dan
menjual ubat. Sa-tengah² ubat ini
kadang² ayer sahaja di-tambah dengan
warna biru atau warna merah di-jual
sa-botol sa-ringgit atau dua ringgit,
kadang² membahayakan sa-tengah²
ubat ini. Jadi sa-takat mana kawalan,
saya tidak tahu, tetapi saya merasa
patut ada kawalan di-atas segala jenis
ubat yang hendak di-jual kapada orang
ramai di-dalam negeri ini oleh Kemen-
terian Kesihatan dan oleh Pejabat
Kesihatan, sa-telah di-sahkan oleh
Pejabat Kesihatan bahawa ubat ini
memang ada khasiat-nya dan betul
khasiat-nya, maka baharu-lah orang itu
dapat menjualkan ubat-nya dan mem-
buat ubat-nya di-jual kapada orang
ramai, kerana saya takut bahaya ubat²
yang di-buat dengan sebarang oleh

orang² yang hendak mencari duit dan yang hendak mencari rezki sahaja, ini akan membahayakan ra'ayat, lebeh² lagi orang yang sa-macham ini dia pergi merata² kampung, ka-cherok rantau untuk menjual ubat. Ada ubat luka, ada minyak angin, ada minyak urat, dan macham² jenis lagi.

Jadi, ini semua-nya saya merasa jikalau di-biarkan dengan tidak ada sedikit kawalan akan lebeh mendatangkan bahaya kepada orang ramai yang lurus, yang tertarek kepada sharahan yang bagus tentang khasiat ubat ini, dia terus beli, keluarkan duit yang dia dapat sa-ringgit sa-hari, di-keluarkan 50 sen untuk beli ubat ini kalau ada khasiat, tiba² rupa-nya ayer yang di-champor dengan chat biru sahaja dengan tidak memberi apa² guna pun kepada orang sakit. Jadi ini-lah saya rasa bahawa kawalan patut ada supaya perkara ini tidak berlanjutan. Terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, barangkali yang akhir-nya dalam Kementerian ini saya berchakap. Sebelum daripada saya berkata apa², saya menyokong-lah permintaan wang yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini dan saya salah sa-orang daripada Wakil Ra'ayat yang menafikan Yang Berhormat Menteri ini tidak melawat luar bandar. Ia pernah melawat di-kawasan luar bandar terutama kawasan saya yang dekat dengan Gunong Ledang—pernah dia datang.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-atas muka 325, Pechahan-kepala 55—Ranchangan Kebangsaan Mengawal Sakit Malaria. Sekarang ranchangan ini chuma di-gerakkan di-kawasan utara Malaysia. Saya harap perkara ini di-jalankan dengan pesat di-kawasan² selatan Malaysia, khas-nya di-kawasan yang pinggir gunong, sebab tempat² ini-lah yang selalu banyak orang² yang kena sakit malaria ini.

Yang kedua, berhubung dengan penyakit tibi. Ranchangan mengawal sakit tibi ia-lah satu gerakan yang

molek, tetapi orang ramai tidak dapat penerangan yang penoh, kadang-kala Ambulan Tibi, ini datang hendak memberi X-ray perchuma, dia pergi pada tempat orang ramai. Bila orang ramai tidak tahu, boleh jadi, kena bayaran, tatkala itu sambutan orang ramai kepada usaha ini sangat kurang. Oleh itu saya mengeshorkan supaya di-beri penerangan yang luas melalui Ketua Kampung, melalui Penghulu, melalui Majlis Tempatan supaya dapat ra'ayat di-luar² bandar menchegehakkan daripada penyakit tibi ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, berhubung dengan satu ranchangan hendak memberi kesihatan kepada kanak² di-sekolah yang telah di-arahkan oleh pakar Pertubohan Kesihatan Sa-dunia. Ini satu perkara yang sangat baik. Kalau bangunan sekolah itu molek, guru²-nya yang berijazah, tetapi anak²-nya kerdil, anak-nya bonchet, anak-nya sakit, selalu di-serang oleh penyakit, maka pelajaran yang hendak di-beri melalui guru² dalam bangunan yang molek itu tidak akan sempurna. Oleh itu saya harap usaha ini di-jalankan dengan penoh, beri barang² yang ada vitamin kepada anak² ini, khas-nya penduduk² luar bandar, bukan sahaja hendak di-beri kepada anak, bapa, emak anak²-nya juga di-beri pelajaran berhubung dengan makanan² yang ada mempunyai zat supaya daripada situ dapat dia menyajikan makanan anak²-nya supaya dapat anak² itu sihat dan dapat bapa dan emak-nya juga sihat dalam keluarga itu.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, yang menjadi kehairanan kepada orang ramai, menjadi tanda tanya kepada orang ramai, Kementerian ini betul atau tidak ada menggalakkan orang laki² memakai rantai di-leher, atau di-lengan, sa-bagaimana pengenalan-nya Ahli Lembaga Mengenal Penyakit bahaya. Kira-nya benar ada-kah Kerajaan atau Kementerian ini mengarahkan orang laki² memakai rantai ini dan saya harap dapat penerangan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sangat senang hati ra'ayat di-luar

bandar menerima Ranchangan Peranchang Keluarga dan bagi meluaskan hal ini, saya harap sa-lain daripada Peranchang Keluarga ini satu langkah yang kedua patut di-fikirkan oleh Kementerian ini tentang masalaah beranak, atau bersalin. Saya minta Kementerian ini meneruskan usaha menyelidek untuk mengurangkan kesakitan ibu² yang bersalin supaya bakal ibu kita di-masa hadapan tidak akan merasa khuatir menghadapi kepayahan, kesakitan ketika melahirkan anak. Masalaah ini dapat di-amalkan oleh sa-tengah² negeri yang berkemajuan dengan menggunakan alat² boleh mengurangkan kepayahan dan kesakitan anak². Kita boleh meminta bantuan kepada negeri² yang berkenaan dan anak yang lahir daripada rawatan ini jasmاني dan rohani-nya sangat chergas daripada rawatan yang ada sekarang.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu berhubung dengan Rumah Sakit dan Gudang Ubat. Kita pernah mendengar daripada Kementerian Kesihatan, atau Jabatan² Kesihatan dalam negeri ini kadang-kala tidak dapat memberi ubat kepada orang yang kena sakit, kerana penyakit yang hendak di-berikan ubat itu tidak ada dalam negeri ini, kadang-kala kita kena terpaksa mengorder dengan segera akan ubat² itu. Jadi, saya memandang kita tidak hanya bergantung untuk membeli ubat daripada luar negeri sa-lama²-nya bagaimana yang telah di-chakapkan oleh rakan sa-jawat saya. Kita patut mengadakan pembenaan Sekolah Membuat Ubat. Ini satu usaha yang saya fikir patut Kerajaan fikirkan, Kerajaan timbangan supaya dalam negeri kita ini dapat mengadakan ubat yang kita boleh buat sendiri.

Tuan Pengerusi, ra'ayat sedang bertanya sekarang berhubung dengan chadangan Kementerian ini mengenai pengambilan mata orang Islam yang mati di-beri kepada mata orang yang bukan beragama Islam. Hal ini belum dapat ketentuan lagi kepada ra'ayat. Ini juga saya harap dengan kemurahan Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberikan penjelasan-nya.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berhubung dengan hal Rumah Sakit Tangkak. Saya telah membuat soalan dalam Dewan ini, tetapi Yang Berhormat Menteri, mungkin soalan saya ini tidak dapat di-jawab. Rumah Sakit di-Tangkak ini telah di-buat 60 tahun dahulu. Orang-nya masa itu 10,000 orang, tetapi sekarang yang hendak menggunakan Rumah Sakit di-Tangkak ini 100,000 orang bukan sahaja di-kawasan Muar Utara, orang² dari Daerah Jasir pun datang ka-Tangkak.

Tuan Pengerusi sedia ma'alum rumah yang berumur 60 tahun, bukan sahaja menjadikan kerunsingan kepada orang² yang datang berubat di-situ, menjadikan kerunsingan kepada pekerja² di-Rumah Sakit itu. Di-situ rumah yang kechil itu juga bilek menunggu orang sakit, Gudang Ubat, Bilek Ma'amal, Bilek Belah Ragam, Pejabat Doktor, Store Ubat, Store Pakaian, Mendaftarkan Orang Sakit. Rumah-nya kechil. Jadi, saya harap perhatian Kementerian ini supaya dapat di-besarkan Rumah Sakit di-Tangkak ini sesuai dengan penduduk yang ramai demi kepentingan kesihatan penduduk² di-kawasan luar bandar.

Dengan ini saya menyokong penoh belanjawan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini. Terima kaseh.

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Pengerusi, saya memohon kebenaran berchakap dalam bahasa Inggeris untuk menjawab Ahli² Yang Berhormat yang berchakap dalam bahasa Inggeris dan dalam bahasa kebangsaan untuk menjawab Ahli² Yang Berhormat yang berchakap dalam bahasa kebangsaan.

Saya dapati sunggoh ramai Ahli² Yang Berhormat berchakap atas peruntukan Kementerian saya. Pada pendirian saya, lagi ramai, lagi saya suka. Ini menunjukkan sedar-nya Ahli² yang Berhormat atas kepentingan kesihatan untuk kebajikan ra'ayat dan pembangunan negara. Semua-nya sa-kali ada lebih 20 orang Ahli² Yang Berhormat telah berchakap dan kebanyakannya memberi chadangan²

yang menarik perhatian Kementerian saya dan ada pula yang memuji² dan saya ucapkan terima kasih kepada mereka itu yang memberi pujian kepada Kementerian saya.

Sekarang saya akan menjawab satu persatu.

(*Dengan izin*). The Honourable Member for Batu mentioned about the dead-wood in the Ministry of Health that should be removed for the good of the Ministry. I am aware of the dead-wood in the Ministry of Health and we are now taking action on what to do with them, but as you know, it is very difficult to take action—any action, in fact, because they are all very senior officers and we do not want to employ any gestapo to find their faults. We have to have evidence in order to retire them. In my opinion, the practical way is to change the Pensions Ordinance, so that officers should retire at the age of 55 and not at 60 as it is today. Of course, if you are 55 and over, sometimes you just wait until you reach 60 and just shake your legs in the office. There are quite a number of officers doing that also. However, in so far as my Ministry is concerned, a continuous review to re-deploy and replace officers where necessary, is being undertaken not only in respect of the Headquarters but also at State and District levels in order to promote efficiency.

With regard to the increase of superscale posts mentioned by the Honourable Member for Batu, I would like to inform him that the superscale structure of the technical officers of my Ministry has been recently revised and a good number of posts have been

upgraded and additional superscale posts have been created. Further consideration is being given to the upgrading and creation of superscale posts subject, however, to the exigencies of service and the availability of funds—I emphasise the “availability of funds”. This matter is one that we cannot go on fast, but we can do it gradually as money is available.

He mentioned also about *ex gratia* payments for doctors with long, loyal service with the Government. Doctors, like every other Government employees, are provided with pension benefits in accordance with the provisions of the Pensions Ordinance, and as such I am afraid that like all Government employees they are not eligible for *ex gratia* payments.

He mentioned about superscale posts for Laboratory Assistants. He said that the number of posts are inadequate and that they should be increased, and that the Laboratory Assistants are dissatisfied and have resorted to work-to-rule, and refuse to do overtime.

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup pukul 6.30.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya hendak mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun, 1968, telah sampai pada Kepala B. 29, Kementerian Kesihatan dalam Jadual Rang Undang² ini. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.